

i&l PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

r

HARI RABU : 23 MARCH 2011

1

L

JK

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAP AT DIJAWAB DID ALAM DEWAN
(SOALANNO. 2,10,14 HINGGA 71)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,3 HINGGA 9,11,12,13

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SOALAN(2)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)
DARIPADA Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH MAHMUD
[KOTA RAJA]

SOALAN

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH MAHMUD minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

menyatakan apakah perkembangan terkini di dalam usaha Kerajaan untuk melaksanakan sistem BTS (Bina dan Jual) di dalam industri perumahan terutamanya di dalam pembinaan rumah kos rendah dan pertengahan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) telah diperkenalkan pada pertengahan tahun 2007 sebagai satu kaedah alternatif yang

dilaksanakan selari kepada sistem Jual Kemudian Bina sedia ada. Beberapa insentif untuk menggalakkan penglibatan pemaju dalam konsep BKJ ini telah diperkenalkan seperti berikut:

- a) Mengecualikan syarat pembayaran deposit sebanyak RM200,000 bagi lesen pemajuan perumahan;
- b) Memberi pelepasan daripada kuota membina rumah kos rendah sepenuhnya; dan
- c) Keutamaan *fast lane* bagi semua urusan yang melibatkan pemajuan;.

Namun sehingga kini, penglibatan dan sambutan pemaju adalah kurang menggalakkan kerana modus pelaksanaan ini memerlukan modal yang besar. Kekangan ini menyebabkan projek seumpama ini hanya dapat dijalankan pada skala yang kecil dan seterusnya menyebabkan kos pembinaan meningkat kerana ketiadaan *economic of scale* dalam proses pembangunan. Akibatnya bilangan rumah dalam pasaran akan berkurangan dan pengguna pula mungkin terpaksa membayar harga rumah yang lebih tinggi.

Dengan mengambilkira implikasi sedemikian, Kerajaan telah menetapkan bahawa pemaju boleh melaksanakan Konsep Bina

Kemudian Jual (BKJ) atau Konsep Jual Kemudian Bina (JKB) mengikut kapasiti masing-masing seperti yang telah ditetapkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Namun bagi menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah, Kerajaan tetap akan mengawal harga rumah kos rendah pada harga maksimum RM42,000 dan meneruskan pembinaan perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan Mac 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PAD A**

**LISAN
Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)**

TARIKH 23.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan untuk Sekolah-sekolah Tamil di Selangor dan Kedah masing-masing dari 2008 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan pendidikan tanpa mengira jenis sekolah. Hasrat Kerajaan adalah memastikan semua sekolah mempunyai kemudahan yang kondusif bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkualiti. Oleh itu, KPM berusaha untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membantu menaik semua sekolah-sekolah di negara ini termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Sehubungan itu, dari tahun 2008 hingga 2010 Kerajaan telah menyediakan peruntukan belanja mengurus bagi SJKT di seluruh negara sebanyak RM1.624 bilion. Daripada jumlah tersebut bagi negeri Kedah sebanyak RM91.17 juta, manakala di Selangor sebanyak RM789.46 juta.

Di samping itu, peruntukan pembangunan melalui RMKe-9, Bantuan Modal dan Pakej Rangsangan Ekonomi untuk negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2010 bagi SJKT di negeri Selangor adalah sebanyak RM48.12 juta. Manakala bagi negeri Kedah pula dari 2009 hingga 2010, SJKT menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM15.46 juta.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PADA	Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
TARIKH	23 Mac 2011 (Rabu)
SOALAN	Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perbelanjaan untuk projek TEMAN (Terminal Makanan Nasional) di Gopeng dan setakat manakah kejayaannya.
JAWAPAN OLEH	Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Terminal Agribisnes Negara (TEMAN) di Ipoh yang dahulunya dikenali sebagai Terminal Makanan Negara telah diluluskan di bawah RMK9 dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM35.5 juta dan peruntukan PFI sebanyak RM110.3 juta. Jumlah keseluruhan projek tersebut adalah sebanyak RM145.8 juta dan projek ini telah siap 100%.

Projek ini masih dalam tempoh operasi percubaan (trial run) bermula Ogos 2010 hingga Jun 2011. Berdasarkan rekod sehingga 18 Mac 2011, sebanyak 239,124 orang telah mengunjungi TEMAN untuk urusan jual beli dengan nilai jualan dicatatkan sebanyak RM7.73 juta dan melibatkan seramai 160 usahawan yang terdiri daripada 100 (63%) Melayu, 56 (35%) Cina, dan 4 (2%) India.

Soalan No : 16

dapat membantu murid, guru dan pihak sekolah terutamanya sekolah-

sekolah di luar bandar meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian murid-murid. Pelaksanaan program ini juga dapat menyokong pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) KPM.

Rjm 53

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)
TARIKH	23.3.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan segera untuk menyelamatkan 268 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) seluruh negara yang kini berada dalam keadaan usang dan menghadapi risiko keruntuhan bangunan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan akses pendidikan yang sempurna kepada semua murid. Peruntukan juga diberikan untuk pembangunan infrastruktur dan lestari kepada semua jenis sekolah dalam memastikan semua murid menerima pendidikan yang sempurna dalam suasana yang kondusif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyediakan peruntukan bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang memerlukan bantuan kewangan bagi

Soalan No : 16

kerja-kerja naik taraf, penyelenggaraan, peralatan dan kecemasan mengikut keutamaan berdasarkan kritikaliti sesuatu projek yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan bagi kes-kes kecemasan dan kritikal terlebih dahulu memandangkan peruntukan yang diluluskan adalah terhad. Walau bagaimanapun, jika keadaan kritikal dan dalam keadaan mendesak, sekolah bantuan kerajaan boleh membuat permohonan melalui Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Keutamaan terhadap permohonan ini ialah akan dilihat secara *case by case*.

Rjm 52

SOALAN NO. 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DATO' HAJI ISMAIL BINHAJIMOHAMED SAID
[KUALA KRAU]
TARIKH 23 MAC 2011**

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes Demam Denggi sepanjang tahun 2010 secara terperinci dan sejauh mana keberkesanan program membasmi Denggi yang telah dilakukan.

Tuan Yang Dipertua,

Dari pemantauan yang dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan, pada tahun 2010 jumlah kes denggi yang dilaporkan ialah 46,171 kes iaitu meningkat sebanyak 11% berbanding jumlah kes denggi pada tahun 2009 iaitu 41, 486 kes. Terdapat 10 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes dengan ketara pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 iaitu negeri Kelantan meningkat sebanyak 2,547 kes, Johor (1,878 kes), Sabah (921 kes), Pahang (781 kes), Melaka (716 kes), Terengganu (504 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur-Putrajaya (459 kes), Negeri Sembilan (444 kes), Kedah (32 kes) dan Peril's (24 kes).

Kematian akibat Demam Denggi juga meningkat dari 88 kematian pada tahun 2009 kepada 134 kematian pada tahun 2010, iaitu peningkatan sebanyak 52% (46 kematian). Negeri yang mencatatkan peningkatan kematian Denggi pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah negeri Kelantan meningkat 10 kematian, Johor (9 kematian), Sarawak (7 kematian), Pulau Pinang (6 kematian), manakala Kedah, Perak, Pahang, Terengganu masing-masing meningkat 3 kematian dan Negeri Sembilan meningkat 1 kematian. Maklumat terperinci bilangan kes dan kematian Demam Denggi seperti di dalam Lampiran 1.

Berikutan dengan situasi peningkatan kes yang dilaporkan pada tahun 2010, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan tindakan yang lebih drastik bagi meningkatkan aktiviti kawalan dan pencegahan Denggi di seluruh negara. Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi telah diadakan pada 20 September 2010 yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan

Perdana Menteri. Keputusan daripada mesyuarat ini, Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Daerah diaktifkan serta merta bagi daerah yang berwabak, dimana Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan setiap minggu yang dipengerusi oleh Pegawai Daerah dan disertai oleh pelbagai agensi termasuk pertubuhan sukarela diperingkat tempatan. Melalui Jawatankuasa ini, tindakan secara bersepadu

menangani wabak Denggi dilaksanakan dengan penglibatan dan penyertaan optimum oleh semua pihak yang terlibat.

Tindakan meningkatkan aktiviti kawalan di peringkat akar umbi ini telah memberikan kesan yang positif iaitu terdapatnya penurunan tren kes Demam Denggi yang dilaporkan setiap minggu. Bilangan kes yang dilaporkan sebelum Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Daerah ini diaktifkan adalah di antara 800 hingga 1,159 kes seminggu dan ianya telah menurun kepada 400 hingga 600 kes seminggu selepas Jawatankuasa itu diaktifkan (Lampiran 2). Perkara yang sama juga dapat dilihat pada jumlah lokaliti *hot spots* dan lokaliti wabak Denggi yang menunjukkan jumlah penurunan. Bagi bilangan lokaliti *hot spots*, ianya telah berkurang iaitu daripada 19 hingga 71 hotspots seminggu kepada kurang dari 10 lokaliti *hot spots* setiap minggu, manakala bagi bilangan lokaliti wabak Denggi juga berkurang dari 200 hingga 340 seminggu kepada kurang dari 150 lokaliti seminggu, selepas Jawatankuasa itu diaktifkan (Lampiran 3).

Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga melaksanakan tindakan-tindakan berikut iaitu;

- (i) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dengan mengenakan kompaun maksima RM500 setiap kesalahan terhadap premis yang mempunyai pembiakan aedes dan mereka yang mengulangi kesalahan akan dibawa ke mahkamah untuk hukuman yang lebih berat. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 3,700,329 premis

telah diperiksa dan 48,683 daripadanya mempunyai pembiakan Aedes. Sejumlah 22,706 daripada premis ini telah dikenakan kompaun dengan nilai berjumlah RM 6,223,006 dan 524 kes telah dikenakan denda oleh mahkamah dengan nilai RM 183,820.

Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan Denggi melalui Projek COMBI (*Communication for Behavioural Impact*) di peringkat komuniti. Pada tahun 2010, sebanyak 1,000 Projek COMBI telah dilaksanakan di lokaliti baru. Sehingga 21 Februari 2011, terdapat 1,848 lokaliti bermasalah Denggi melaksanakan Projek COMBI dan 1,160 daripadanya merupakan lokaliti baru yang melaksanakan projek ini. Seramai 26,790 orang sukarelawan terlibat dalam projek COMBI sehingga kini.

Kempen Media Denggi juga dipertingkatkan pada tahun 2010, bagi memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai pencegahan Demam Denggi. Kempen ini termasuk iklan di televisyen, radio dan akhbar utama negara yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 4.9 juta. Selain dari itu, bagi memberi kelansungan kepada masyarakat agar mereka peka terhadap situasi dan pencegahan Demam Denggi dilokality masing-masing, pihak Kementerian Kesihatan telah membina 30 unit papan iklan di lokaliti *hot spots* Denggi di sekitar negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur.

Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan kempen Anti-Denggi iaitu kempen gotong-royong perdana 'Jom Ganyang Aedes' yang

4

melibatkan individu berpengaruh sebagai ikon kempen. Kempen ini telah berjaya dilaksanakan di semua negeri dan ianya telah memberikan

impak yang positif terhadap penglibatan masyarakat dalam menjalankan aktiviti gotong-royong di mana pada tahun 2010 sebanyak 5,906 aktiviti gotong-royong telah dilaksanakan berbanding hanya 1,851 gotong-royong pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 219%.

- (v) Kempen Denggi terus dipertingkatkan dengan mesej Demam Denggi boleh membawa kematian kepada masyarakat dan membetulkan salah tanggapan masyarakat bahawa mengawal Denggi adalah semata-mata tanggungjawab Kerajaan sahaja. Dalam usaha ini, Kementerian Kesihatan mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi media termasuk Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Pada tahun 2011, dari Januari hingga 16 Mac, jumlah kes dilaporkan ialah 4,647 kes berbanding 10,816 kes pada tahun lepas iaitu penurunan kes denggi sebanyak 57%. Penglibatan dan penyertaan masyarakat serta pelbagai agensi dalam aktiviti pencegahan Denggi telah terbukti memberi kesan yang positif terhadap kawalan Denggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN R A KYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

Y.B. DATO' DR. HAJIMOHD HAYATI BIN

OTHMAN

(PENDANG)

Soalan No : 19

TARIKH 23.3.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan perkapita untuk pelajar yang tinggal di asrama Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Berasrama Penuh, berserta perincian kos tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan berusaha menyediakan akses pendidikan yang sempurna kepada semua murid. Begitu juga dengan bantuan pendidikan yang diberikan kepada murid yang layak yang meliputi biasiswa persekutuan dan bantuan Kumpulan Wang Amanah Untuk Pelajar Miskin (KWAPM).

Secara umumnya, bantuan per kapita yang diperuntukkan kepada murid di asrama sekolah harian dan sekolah berasrama penuh adalah sama. Bagi bantuan geran per kapita, pengiraan bantuan yang diterima adalah berdasarkan mata pelajaran yang diambil oleh murid manakala bagi Bantuan Makanan Asrama, adalah berdasarkan harga kontrak makanan bermasak asrama sekolah yang berkenaan. Sehubungan itu, tidak timbul soal peruntukan yang berbeza diberikan kepada asrama tersebut seperti yang dibangkitkan.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

**YB. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG
RENGGAM]**

**TARIKH
SOALAN**

23 MAC 2011 (Rabu)

**YB. TUAN LIAN TECK MENG [SIMPANG
RENGGAM]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan setakat ini berapa
ramaikah bilangan pemohon yang telah diberikan
pinjaman TEKUN selain kaum Bumiputera dan India
terutama kaum Cina dan lain-lain. Berapa banyakkah
peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan kepada
TEKUN untuk tahun 2011.

JAWAPAN OLEH

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI**

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

TEKUN Nasional ditubuhkan pada 1998 merupakan sebuah Agensi yang bertanggungjawab dalam memberi kemudahan pinjaman kepada usahawan kecil Bumiputera di seluruh negara termasuk usahawantani secara, mudah dan cepat. Secara keseluruhan sejak penubuhan sehingga 31 Januari 2011, TEKUN Nasional telah menyalurkan sejumlah 220,558 pinjaman bernilai RM 1.6 billion kepada seramai 177,597 orang usahawan di seluruh negara. Walaubagaimanapun pada tahun 2007, Kerajaan melalui peruntukan khas, Pembasmian Kemiskinan RMKe-9, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan pinjaman kepada Bukan Bumiputera melalui Skim Pembiayaan Usahawan Muda India (SPUMI). Melalui skim ini, TEKUN Nasional telah diberi peruntukan sebanyak RM34.5 juta bagi menyediakan pembiayaan kepada usahawan-usahawan belia India untuk menceburi bidang

keusahawanan. Sehingga 31 Januari 2011, TEKUN Nasional telah meluluskan sebanyak 2,051 pembiayaan bernilai RM 16.3 juta kepada belia India di bawah skim ini.

TEKUN Nasional juga telah memberikan pinjaman kepada seramai 44 orang kaum Cina dengan nilai pinjaman RM0.727 juta. Pinjaman yang disalurkan ini adalah dari dana khas dalaman TEKUN Nasional. Sebanyak 37 lagi permohonan sedang diproses dengan nilai pinjaman dipohon sebanyak RM1.56 juta.

Bagi tahun 2011, TEKUN Nasional telah diperuntukan RM120 juta bagi melaksanakan programnya di seluruh negara.

No. Soalan

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB L1SAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA :

YB DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)

TARIKH :

23 MAC 2011

SOALAN :

YB DATUK CHUA SOON BOI (TAWAU) minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:

- (a) berapa jumlah dan bilangan kontrak serta apakah syarat-syarat yang telah diperolehi oleh Kerajaan Malaysia di bawah usaha bersama eksplorasi minyak dan gas CA1 & CA2 dengan Kerajaan Brunei; dan
- (b) apakah kontrak-kontrak dan jumlah terlibat yang dianugerahi kepada syarikat-syarikat yang bertapak di Sabah di bawah eksplorasi

CA1 & CA2 yang sama itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

/

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tawau di atas soalan yang dikemukakan.

2. Seperti yang telah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, penyelesaian isu-isu tertunggak di antara Malaysia dan Brunei Darussalam yang melibatkan persempadanan maritim dan persempadanan darat telah dimeterai melalui Pertukaran Surat (*Exchange of Letters*) yang telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, YABhg Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pada 16 Mac 2009 di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

3. Elemen-elemen penyelesaian yang terkandung di dalam Pertukaran Surat adalah persempadanan maritim, Aturan Komersial (*Commercial Arrangement*), persempadanan darat dan akses maritim (*maritime access*). Di bawah Pertukaran Surat, sempadan laut wilayah, pelantar benua dan zon ekonomi eksklusif di antara kedua-dua negara ditentukan berdasarkan peruntukan-peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah peruntukan-peruntukan di dalam *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS 1982). Dengan adanya sempadan maritim ini, tuntutan bertindih kawasan maritim di antara kedua-dua

negara telah diselesaikan.

4. Berkaitan dengan Aturan Komersial (*Commercial Arrangement*), seperti yang telah dimaklumkan di dalam d'ewan yang mulia ini, Malaysia dan Brunei Darussalam bersetuju bahawa dua blok, iaitu Blok CA1 dan CA2 diwujudkan. Blok CA1 diasaskan kepada Blok L Malaysia (Blok J Brunei Darussalam) dan Blok CA2 diasaskan kepada Blok M Malaysia (Blok K Brunei Darussalam). Dari segi lokasinya, kedua-dua blok ini adalah terletak di dalam kawasan maritim Brunei Darussalam, di mana Brunei Darussalam mempunyai hak-hak kedaulatan (*sovereign rights*) terhadap sumber-sumber hidupan dan bukan hidupan (*living and nonliving resources*). Walau bagaimanapun, Aturan Komersial yang diwujudkan akan membolehkan perkongsian hasil (*revenue sharing*) daripada eksploitasi minyak dan gas dilaksanakan. Ini bermaksud, walaupun Brunei Darussalam mempunyai hak-hak kedaulatan (*sovereign rights*) terhadap sumber-sumber di dalam kawasan maritim tersebut, melalui Aturan Komersial, Brunei Darussalam akan berkongsi hasil tersebut dengan Malaysia. Modaliti kewangan dan operasi bagi melaksanakan Aturan Komersial ini telah dibincangkan oleh pegawai-pegawai kanan kedua-dua negara.

5. Dalam hal ini, sukacita saya maklumkan bahawa pada 21 September 2010, majlis menandatangani *Production Sharing Agreement* bagi Blok CA1 di antara PetroleumBRUNEI dengan kontraktor-kontraktor berkaitcin termasuklah Petronas Carigali Sdn. Bhd telah diadakan di

Kuala Lumpur . Bagi Blok CA2 pula, majlis menandatangani *Production Sharing Agreement* telah diadakan pada 13 Disember 2010 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Dalam hal ini, kontraktor-kontraktor yang berkaitan akan memulakan aktiviti eksplorasi minyak dan gas di dalam Blok CA1 dan CA2. *Production Sharing Agreement* bagi kedua-dua Blok CA1 dan CA2 akan berkuat kuasa selama 40 tahun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH	23 MAC 2011
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

- (a) Sama ada ekopelancongan dikenal pasti sebagai salah satu sumber pendapatan Sarawak terutama komuniti miskin kawasan sungai, ia terbukti berjaya di negara Madagascar dan membiayai pemulihan alam; dan
- (b) Adakah tahap ekopelancongan dan kedatangan para pelancong di Sarawak melonjak hasil usaha-usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ekopelancongan sememangnya dikenal pasti sebagai program pelancongan yang melibatkan pakej lawatan ke kawasan alam semulajadi yang membolehkan penglibatan masyarakat tempatan di dalam aktiviti sosio ekonomi secara positif. Kementerian Pelancongan melaksanakan program-program pelancongan bertujuan untuk **memberi manfaat kepada penduduk setempat** sehingga ke peringkat akar umbi. Oleh itu, Program Homestay, ekopelancongan dan agropelancongan yang dilaksanakan adalah merupakan *community-based tourism* yang berupaya meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar, termasuk kawasan sungai.

Bagi Negeri Sarawak, program ekopelancongan telah dikenal pasti sebagai salah satu sumber pendapatan terutamanya bagi komuniti kawasan sungai dan berhampiran dengan tapak-tapak alam semulajadi. Program ekopelancongan ini terbukti berjaya mendorong kenaikan kedatangan pelancong ke Sarawak. Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia, **prestasi kedatangan pelancong domestik dan *excursionist*** pada tahun 2008 dan 2009 mencatatkan **peningkatan sebanyak 23.6%** iaitu seramai **8.5 juta orang untuk tahun 2009 berbanding 6.8 juta**

orang pada tahun 2008.

Ahli Yang Berhormat,

Menyedari kepentingan ekopelancongan bagi negeri Sarawak, sebanyak **RM48.1 juta** telah diberikan di bawah **RMKe-9** untuk projek peningkatan kemudahan pelancongan serta menaik-taraf tapak ekopelancongan. Ini merupakan **25.2% daripada jumlah keseluruhan** yang diperuntukkan oleh Kementerian Pelancongan bagi projek ekopelancongan Malaysia. Di bawah **RMKe-10** pula sebanyak **RM1.5 juta** telah diluluskan bagi pelaksanaan projek- projek ekopelancongan di Sarawak.

Ke arah meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri Sarawak terutamanya menikmati produk ekopelancongan, Kementerian Pelancongan melalui agensinya Tourism Malaysia Sarawak sentiasa bekerjasama dengan agensi negeri serta agensi pelancongan tempatan di dalam menjalankan aktiviti promosi di dalam negara dan luar negara. **Pada tahun 2011**, Tourism Malaysia akan mengadakan aktiviti promosi **Mega Familiarisation** di mana sekitar **80 peserta** yang terdiri daripada wakil **agensi pelancongan Belanda dan Belgium akan berkunjung ke Sarawak**. Antara destinasi yang diberi perhatian adalah kawasan ekopelancongan tepi sungai seperti Batang Ai,

Mulu dan Padawan. Bagi **tahun 2010** yang lalu, seramai **24 wakil agensi pelancongan seluruh Malaysia telah dibawa melawat Taman Negara Mulu** bagi memberi peluang kepada mereka melihat sendiri produk yang ada. Program Pesta Benak umpamanya di Sri Aman juga dipromosikan oleh pihak Tourism Malaysia Sarawak melalui pejabat Tourism Malaysia luar negara bagi ekopelancongan di kawasan sungai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
Tarikh Menjawab	23 Mac 2011 (Rabu)
Soalan	No. 2%

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta

MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

menyatakan apakah usaha-usaha yang akan dijalankan bagi memastikan Malaysia kembali menjadi negara pengeksporth utama getah asli dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Malaysia merupakan negara pengeluar dan pengeksporth getah ketiga terbesar di dunia selepas Thailand dan Indonesia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

Walaupun keluasan kawasan tanah pertanian adalah terhad, Malaysia masih mampu untuk kembali menjadi pengeluar utama getah asli dunia melalui usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi dan penggunaan klon-klon berhasil tinggi.

Di bawah Strategi Lembaga Getah Malaysia (LGM) 2010 - 2020, antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- (i) meningkatkan jumlah eksport *Standard Malaysian Rubber* (SMR) dengan menambahkan bilangan destinasi eksport SMR melalui penyertaan LGM dan pihak industri getah dalam misi-misi perdagangan ke negara-negara pengguna yang berpotensi;
- (ii) meluaskan kawasan penanaman getah dengan penggunaan klon-klon berhasil tinggi seperti RRIM 3001 atau Klon 1 Malaysia bagi memastikan bekalan bahan mentah mencukupi untuk industri tempatan; dan
- (iii) meningkatkan aktiviti R&D&C dalam pemprosesan getah untuk menghasilkan bahan mentah bagi pembuatan barangan termaju (*advanced materials*). Bahan termaju ini boleh digunakan untuk pengeluaran produk getah khusus bagi memenuhi permintaan *niche market* seperti *green tyre* yang dijangka meningkat di negara-negara maju yang semakin menitikberatkan perlindungan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Pelaksanaan langkah-langkah ini dijangka dapat menarik pengguna-pengguna getah di luar negara untuk terus mengimport getah dari Malaysia.

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN

TARIKH: 23 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan penubuhan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan merupakan usaha mumi Kerajaan untuk membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh kaum India di Malaysia. Setakat ini apakah pencapaian Pasukan Petugas ini dan berapa ramai masyarakat kaum India di Malaysia telah menerima bantuan. Apakah masalah yang dihadapi oleh Pasukan ini untuk mencari penyelesaian.

PR-000-L42724

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, YAB Perdana Menteri , pada Jun 2010 telah bersetuju menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pelaksana (SITF) dengan Urusetia sepenuh masa untuk melaksanakan segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Masyarakat India. Objektif Pasukan Petugas Khas adalah untuk mengenalpasti dan memantau penyertaan masyarakat India di dalam Program dan Projek- Projek Kerajaan.
2. Pembangunan Kapasiti (*capacity building*) untuk masyarakat India yang miskin dan keluarga yang tergolong dibawah paras 40% status sosio-ekonomi menjadi sasaran utama Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan.
3. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kumpulan ini, SITF telah

Tuan Yang Di Pertua,
mengenalpasti program-program untuk meningkatkan pendapatan isirumah yang berpendapatan rendah dan miskin. Meningkatkan peluang-peluang dalam pendidikan, latihan kemahiran, latihan pemiagaan dan pengusahawanan serta pinjaman mikro dan peluang pekerjaan.

4. Sebagai langkah untuk memberikan impak kepada masyarakat India di peringkat akar umbi, SITF telah mengadakan berikut:

a) Program Mesra Rakyat

- i. Program Mesra Rakyat merupakan langkah pertama dan utama yang diambil oleh SITF untuk turun ke padang dan mendekati rakyat di peringkat akar umbi bagi mendengar dan mengenalpasti permasalahan mereka.
- ii. Melalui program ini juga masalah dan keperluan masyarakat dikenalpasti dan agensi-agensi pusat yang berkaitan dibawa kepada masyarakat untuk memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat sejajar dengan konsep 1 Malaysia “Rakyat Didahulukan dan Pencapaian di Utamakan”.
- iii. Di sepanjang tahun 2010, SITF telah mengadakan Program Mesra Rakyat di 6 lokasi iaitu di Ijok, Lunas, Sepang, Perai, Sungai Siput dan Batu Anam. Sejumlah 9,400 orang telah menghadiri Program di 6 kawasan ini
daripadanya sebanyak 4,948 orang telah mendaftar untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan.
- iv. Daripada 4,948 kes yang didaftar, sebanyak 2,236 adalah kes yang berkaitan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada 2,236, sebanyak 551 (24.6%) kes-kes barn yang diluluskan bantuan (isirumah berpendapatan RM750 kebawah), sebanyak 898 (40.2%) kes-kes yang layak kepada Program Azam (isirumah berpendapatan RM750 - RM1500), sebanyak 167 (7.5%) adalah kes penerima bantuan JKM sedia ada) dan 385 (17.2%) kes yang tidak

layak untuk kebajikan kerana berpendapatan melebihi RM1,500 dan kes-kes dalam siasatan 235 (10.5%) kesulitan kerana alamat yang diberikan sukar dihubungi.

- v. Secara keseluruhan sebanyak 1,955 kes (39.5%) daripada 4948 jumlah kes yang didaftarkan di keenam-enam kawasan tersebut berjaya diselesaikan. Keunikan hasil Program Mesra Rakyat ini adalah penubuhan Jawatankuasa Tindakan di setiap daerah kawasan program ini. Jawatankuasa ini terdiri dari setiap agensi peringkat daerah dan para pemimpin tempatan yang mengambil bahagian dalam program ini.
- vi. Sebanyak 15 kawasan telah dikenalpasti untuk Program Mesra Rakyat pada tahun 2011.

b) Kempen MyDaftar Nasional

- i. Kempen Mydaftar Nasional adalah satu kempen yang telah dijalankan serentak selama 8 hari bermula 19 Februari 2011 sehingga 26 Februari 2011 untuk mendokumentasikan masyarakat India yang tidak mempunyai dokumen diri yang sewajarnya.
- ii. Lapan puluh (80) Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di sembilan negeri terpilih (Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah

Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Johor) telah membuka kaunter khas untuk menerima kes-kes dokumentasi dikalangan Masyarakat India.

Kempen ini dianjurkan dengan kerjasama dari Kementerian Dalam Negeri (Jabatan Pendaftaran Negara), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (Jabatan Penerangan Malaysia) serta dibantu oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sukarelawan.

Sebanyak 14,882 orang telah mengunjungi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) disepanjang tempoh ini. Daripada ini, seramai 9,568 telah mengemukakan borang permohonan kepada JPN dan sebanyak 5,314 belum menyerahkan borang mereka. Daripada 9,568 borang yang diserahkan, sebanyak 1867 permohonan berkaitan Sijil Kelahiran, 913 berkaitan Kad Pengenalan, 6566 Kewarganegaraan dan 222 Perkhawinan dan Penceraian.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengadakan mesyuarat setiap bulan untuk mengemaskini satus permohonan-permohonan ini dengan wakil JPN negeri dan pihak Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan. Mesyuarat susulan yang pertama telah diadakan pada 15 Mac 2011 di KDN. Adalah menjadi sasaran Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India untuk menyelesaikan kes-kes ini dalam tempoh 6 bulan akan datang secara berperingkat. Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan yakin kes-kes ini dapat diselesaikan secara berperingkat.

c) Peluang Perniagaan dan Pinjaman Perniagaan

- i. Dalam tempoh 2008 -2010 usaha-usaha untuk meningkatkan akses kepada pinjaman mikro telah diambil. Dibawah Program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebanyak 2,593 wanita India telah menerima pinjaman sebanyak RM14.3 juta. Manakala bagi Program TEKUN dengan kerjasama Yayasan Strategik Sosial, sebanyak 2,322 pinjaman perniagaan mikro berjumlah RM19.4 juta diluluskan.
- ii. SITF juga telah mengadakan beberapa sesi dialog dengan

Institusi Kewangan seperti Bank Simpanan Nasional, Agro Bank, Bank Rakyat dan SME Corporation untuk memperoleh kerjasama dari Institut Kewangan ini untuk menyediakan peluang pinjaman kepada kaum India yang memenuhi syarat-syarat asas yang ditetapkan.

- iii. SITF dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menganjurkan program kesedaran kewangan (financial literacy program) dan dengan kerjasama SME Corp. menganjurkan program pembangunan kapasiti.

Tuan Yang Di Pertua,

MASALAH / CABARAN YANG DIHADAPI

- i. Penyelesaian kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India memerlukan intervensi dalam jangka masa panjang. Apa yang dikenalpasti adalah perubahan minda (Mindset change) amat diperlukan oleh golongan ini dalam menyelesaikan masalah mereka dan bukan setakat mencari jalan mudah dengan mengharapkan bantuan wang dari kerajaan semata-mata.
- ii. Proses transisi perubahan telah dan sedang berlaku dikalangan mereka dan kesannya dapat dilihat dalam jangka masa panjang. Diantara usaha yang telah dijalankan adalah tumpuan telah diberikan kepada “Capacity building” untuk pemohon Jabatan Kebajikan Masyarakat kearah berusaha untuk mencari pendapatan melalui Program Azam (melalui Azam Kerja, Azam Tani, Azam Khidmat dan Azam Niaga). Melalui program ini, mereka yang bergantung kepada bantuan kebajikan (Dependent Welfare) dapat digerakan kepada mereka yang produktif melalui inisiatif kebajikan (Productive Welfare).

- iii. Peluang meningkatkan pendapatan melalui pinjaman Mikro untuk bemiaga, menyertai program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Program TEKUN juga giat dijalankan. Peluang mendapatkan pekerjaan melalui sistem Jobs Malaysia. Mengalakkan menyertai skim kemahiran latihan menerusi Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

NO. SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN TONY PUA KIAM WEE [

PETALING JAYA] 23.03.2011

TARIKH

(RABU)

TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA] minta MENTERI PERDAGANGAN

DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan impak pengurangan subsidi kepada makanan dan barang-barang keperluan seperti teh tarik, mee goreng dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan kenaikan harga gula yang diumumkan oleh Kerajaan pada 3 November 2010 dan berkuatkuasa pada 4 November 2010, Majlis Harga Barang Negara telah melakukan Kajian Mengenai Kesan Kenaikan Harga Gula Pada 4 November 2010 ke atas Makanan dan Minuman. Kajian meliputi 23 jenis barangan yang terdiri daripada 8 jenis barang siap masak, dan 15 Barang Kering/ Runcit bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Di Semenanjung, julat kenaikan dicatatkan adalah kecil iaitu di antara 1 sen sehingga 9 sen. Sebanyak 12 barangan mengalami kenaikan harga dengan kadar peningkatan tertinggi dicatatkan sebanyak 9 sen (2.47%) bagi Kicap Lemak Manis Cap Kipas Undang. Di Sabah pula, julat kenaikan dicatatkan adalah kecil iaitu di antara 1 sen sehingga 4 sen. Sebanyak 7 barangan mengalami kenaikan harga dengan kadar peningkatan tertinggi dicatatkan sebanyak 4 sen (1.28%) bagi Coca Cola (Botol). Manakala di Sarawak, julat kenaikan dicatatkan adalah kecil iaitu diantara 1 sen sehingga 9 sen. Sebanyak 11 barangan mengalami kenaikan harga dengan kadar peningkatan tertinggi dicatatkan sebanyak 9 sen (9.89%) bagi Pau Kaya.

Secara keseluruhannya, kesan kenaikan harga gula terhadap 23 barang terpilih adalah minima dan tidak ketara. Peratus kenaikan harga barang terpilih didapati tidak melebihi 10% berdasarkan perbezaan harga semasa dan selepas kenaikan harga gula diumumkan pada 4 November 2010. Ini adalah kerana kenaikan harga sekilogram gula tidak memberi kesan secara langsung kepada peniaga yang lebih mementingkan kesetiaan pelanggan dengan mengekalkan harga yang lama. Terdapat juga peniaga yang mengubah saiz kepada kuantiti yang lebih kecil seperti menukar saiz gelas, mengurangkan saiz kuih serta mengurangkan penggunaan gula dalam produk berasaskan gula bagi mengekalkan harga yang lama. Pemantauan akan terus dijalankan dari masa ke semasa bagi melindungi hak pengguna dan memastikan kestabilan harga makanan dan minuman di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.



SJ.B/(44)

SULIT

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **23.03.2011**

Tuan Salleh bin Kalbi (Silam) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengklasifikasikan penyakit diabetes sebagai antara penyakit kronik yang membolehkan pencarum KWSP mengeluarkan simpanan dari tabung 2 bagi menampung kos rawatan memandangkan diabetes adalah faktor penyumbang kepada penyakit kronik lain seperti kegagalan ginjal (buah pinggang), sakit jantung, buta dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pengeluaran Kesihatan yang diluluskan oleh Lembaga KWSP adalah bertujuan untuk membolehkan ahli mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk membiayai kos rawatan perubatan penyakit kritikal yang dihadapi oleh ahli dan tanggungan ahli yang dibenarkan.

2. Mulai 15 Jun 2010, senarai penyakit kritikal yang dibenarkan untuk Skim Pengeluaran Kesihatan telah diperluaskan daripada 13 jenis penyakit kepada 39

penyakit bagi ahli dan tanggungan ahli. Antara penyakit kritikal yang dibenarkan ialah Anemia Aplastik, kegagalan buah pinggang, penyakit Parkinson, hilang upaya kekal, lelah/asma yang teruk, Leukemia dan Intellectual Impairment Due to Accident or Sickness.

3. Walau bagaimanapun penyakit diabetes tidak termasuk dalam senarai 39 penyakit kritikal yang diluluskan oleh Lembaga KWSP di bawah Skim Pengeluaran Kesihatan. Penyakit kritikal seperti kegagalan ginjal, sakit jantung dan buta adalah di antara penyakit yang tersenarai dalam penyakit yang diluluskan. KWSP sedang dalam proses mengkaji semula senarai penyakit kritikal yang membolehkan pencarum KWSP mengeluarkan simpanan daripada Akaun 2.

No: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM
	[KAPAR]
TARIKH	23 MAC 2011 (RABU)

SOALAN NO. 26

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah terkini keseluruhan belia yang terdapat di Malaysia mengikut pembahagian gender, penempatan (bandar dan luar bandar) dan kaum (Melayu, Cina, India dan lain-lain) sehingga 2010.

JAWAPAN

SULIT

1. Berdasarkan kepada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah belia di Malaysia bagi tahun 2011 adalah seramai **12,512.5 (juta) orang** atau **43.8%** daripada jumlah penduduk (28,552.7 juta orang). Bagi pembahagian mengikut gender, seramai 6,364.3 (juta) terdiri di kalangan belia lelaki dan 6,148.2 Guta adalah belia perempuan. Pembahagian mengikut bangsa, belia Melayu/Bumiputera seramai 7,680.0 Guta); belia Cina seramai 2,546.0 Guta); belia India seramai 832.1 (ratus ribu); lain-lain kaum seramai 149.9 (ratus ribu); dan bukan warganegara seramai 1,304.4 Guta).
2. Manakala seramai **7,841.0 (juta) belia berada di bandar** dan **4,671.4 (juta) belia di kawasan luar bandar.**

SULIT

No: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH

[LENGGONG-BN]

TARIKH **23 Mac 2011 (RABU)**

SOALAN NO. 27

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN:-

- (a) menyatakan bentuk perubahan dan program baru yang dilaksanakan Kementerian dalam membangunkan kegiatan belia dalam negara ini;
- (b) apakah kesan pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 sejak dilancarkan beberapa tahun sebelum ini; dan
- (c) peratusan tumpuan Kementerian dalam pembangunan belia, berbanding kegiatan sukan.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan Makmal Transformasi Pembangunan Belia yang diadakan mulai 1
November hingga 10 Disember 2010. Penemuan makmal telah mencadangkan enam (6) Inisiatif Transformasi yang akan dilaksanakan iaitu *Malaysia Youth*

SULIT

Park (My Park); Dewan Belia Malaysia; Virtual Youth Resource Centre (Vyrec); Youth Icons; My Corps Volunteer; dan The Leader (Mentorship Programme).

2. Dengan terlaksananya Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), Ruang perundingan antara golongan belia dan kerajaan lebih terbuka luas, terarah dan bersistematik iaitu melalui Majlis Perundingan Belia Negara. Segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan akan didengari dan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan. Selain itu, Akta ini juga telah dapat melahirkan ramai pemimpin dari kalangan orang muda/ belia.
3. Seterusnya mengenai tumpuan KBS dalam aspek pembangunan belia berbanding kegiatan sukan, dimaklumkan bahawa Kementerian telah memberi penekanan seimbang kepada kedua-dua perkara tersebut di mana 59% jumlah peruntukan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) diagihkan kepada pembangunan belia, manakala 41% untuk pembangunan sukan massa. Peratusan tersebut belum lagi termasuk peruntukan tahun 2011 sebanyak **RM165,932,160.00 (juta)** khusus untuk mempertingkatkan kemahiran dan disiplin belia di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) seluruh negara .

NO. SOALAN: ^

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

TARIKH : 23 MAC 2011 [RABU]

SOALAN :

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak JAKIM mempunyai program bagi menghalang pihak yang cuba memajukan ajaran 'Pluralisme' yang bertentangan dengan ajaran Islam.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 74 pada 25 - 27 Julai 2006 telah mengeluarkan keputusan bahawa gerakan pemikiran liberal mengandungi fahaman-fahaman yang menyeleweng dari aspek akidah dan syariah.

Antara penyelewengan tersebut adalah konsep piuralisme agama yang berpendirian bahawa semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.

Berdasarkan fatwa ini, Kerajaan telah mengadakan beberapa tindakan seperti berikut

1. mengadakan majlis-majlis penjelasan tentang bahaya fahaman piuralisme agama dengan kerjasama jabatan-jabatan agama negeri serta badan-badan pertubuhan bukan kerajaan;
2. melakukan pemantauan dan kajian terhadap apa jua program yang dibuat oleh organisasi atau individu tertentu yang mempunyai unsur-unsur piuralisme agama;
3. mengkaji dan seterusnya mengeluarkan fatwa-fatwa yang berhubungkait amalan atau perbuatan agama lain yang diamalkan oleh orang Islam yang mengandungi unsur-unsur piuralisme agama seperti fatwa Yoga, Valentine's Day dan Candlelight Vigil; dan
4. menyediakan Garis Panduan Kongsi Raya dan juga Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]

TARIKH : RABU, 23 MAC 2011

SOALAN : DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK] minta MENTERI
LUAR NEGERI menyatakan apakah kesan
kenyataan Lee Kuan Yew menghina serta
mengecam Kerajaan dan rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak' di atas soalan yang
dikemukakan.

2. Sebagai negara jiran yang terdekat, Malaysia dan Singapura
tidak dapat mengelak daripada isu-isu yang kadang kala mungkin
menimbulkan persepsi yang tidak wajar. Kita pernah mendengar
kenyataan-kenyataan yang kurang menyenangkan yang dibuat oleh
Menteri Mentor Lee Kuan Yew.

3. Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa kenyataan-
kenyataan Lee Kuan Yew merupakan kenyataan politik peribadi yang
menjurus kepada propaganda politik dalaman Singapura dan tidak
mencerminkan pendirian Kerajaan Singapura. Oleh yang demikian, kita

tidak pernah terlibat dalam polemik yang tidak menguntungkan. Sebaliknya, Kementerian Luar Negeri percaya kedua-dua negara perlu terus meningkatkan hubungan dan kerjasama yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak dan keharmonian serta kesejahteraan rantau ini.

4. Seperti mana Dewan Yang Mulia sedia maklum, hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura bertambah erat semenjak Y.A.B. Dato' Sri. Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia.

Sekian, terima kasih

SOALAN(30)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)

DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FIRDAUSBIN JAAFAR [JERAI]

SOALAN

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah dan bentuk bantuan kepada E-Idaman Sdn. Bhd. untuk tujuan melakukan kerja-kerja pengurusan sampah di Kedah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak memberikan bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat konsesi. Walau bagaimanapun Kementerian telah membekalkan sebanyak 630 unit tong komunal sisa pepejal berkapasiti 1,100 liter dan 324 unit tong komunal berkapasiti 660 liter untuk kegunaan syarikat E-Idaman bagi memastikan tahap pengurusan sisa pepejal di negeri Kedah dapat dipertingkatkan.

JAWAPAN
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Mac 2011

masa ini Universiti Pendidikan Sultan Idris ada menawarkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Cina Dengan Pendidikan dan Diploma Pendidikan Bahasa Cina untuk menampung keperluan tersebut. Dengan langkah-langkah yang dilakukan ini, KPM menjangkakan masalah kekurangan guru bahasa Cina di SMK dapat diatasi.

Rjm 49

No. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)

TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)

SOALAN Y.B. PUAN FONG PO KUAN minta PERDANA MENTERI

menyatakan syarat-syarat untuk kelayakan memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Rukun Tetangga. Nyatakan jenis dan bentuk bantuan yang dihulurkan untuk Rukun Tetangga berfungsi dengan lancar serta tanpa mengira fahaman politik.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), skim Rukun Tetangga (RT) telah ditubuhkan pada tahun 1975 untuk menangani ancaman keselamatan pada waktu itu. Pada tahun 1983, apabila ancaman keselamatan telah reda, RT menumpu kepada usaha untuk memupuk semangat kejiranan antara para penghuni tempatan. Pada penghujung tahun 80-an, tiga (3) cawangan telah diwujudkan untuk menggalakkan aktiviti di kalangan kumpulan sasaran, iaitu Jiran Muda, Jiran Wanita dan Jiran Usiamas. Pada tahun 1993, cawangan Tunas Jiran pula dilaksanakan untuk menyokong kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan Tabika Perpaduan yang telah diwujudkan sejak tahun 1976.

Sejak diwujudkan, melalui cawangan-cawangan yang berkenaan, KRT telah dan sedang melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan dengan kebajikan penghuni, kegiatan ekonomi, alam sekitar dan aktiviti sosial untuk menjalin perhubungan dan memupuk perpaduan di kalangan penghuni. Mulai tahun 2004, Skim Rondaan Sukarelawan (SRS) diperkenalkan semula. Selepas pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah NKRA keselamatan untuk memerangi jenayah, KRT dan SRS diberi suntikan semangat dan sumber supaya membantu pihak polis dan bekerjasama dengan RELA, Rakan Cop, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan persatuan penduduk untuk mempertingkatkan keselamatan tempatan. Sebanyak 513 dan 550 KRT baru serta 496 dan 466 SRS ditubuhkan pada tahun 2009 dan 2010, jauh melebihi sasaran 300 setahun sebelum itu.

Untuk memastikan bahawa fungsi-fungsi KRT tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan, maka perlantikan pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa KRT (JKRT) yang merupakan sukarelawan memberi keutamaan kepada para pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat tempatan yang bermastautin di kawasan yang berkenaan yang sudi menyokong dasar-dasar dan program-program Kerajaan Persekutuan dan bekerjasama rapat dengan JPNIN serta jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Di samping itu, Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1988 menetapkan bahawa ahli jawatankuasa hendaklah terdiri daripada warga yang berumur 21 tahun dan ke atas, tidak mempunyai sebarang rekod hukuman, jenayah dan bankrupt; perintah tahanan, penyeliaan kediaman terhad atau buang negeri; atau tidak sempurna akal. Tempoh perlantikan biasanya ialah dua (2) tahun dan dilanjutkan setahun sebelum dirombak semula.

Setakat ini jenis bantuan yang diberi kepada setiap JKRT adalah peruntukan, sebanyak RM4800.00 setahun untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan Rukun Tetangga.

Di samping itu, JPNIN turut menyediakan peruntukan khas untuk pengelolaan aktiviti—

aktiviti kejranaan yang dianjurkan JKRT mengikut permohonan yang dikemukakan. Biasanya, JKRT berjaya mendapat bantuan derma dari syarikat-syarikat swasta dan pemimpin-pemimpin tempatan mahupun wakil rakyat untuk menyokong tujuan-tujuan murni dan aktiviti-aktiviti yang bermakna oleh JKRT.

Soalan No : 33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID (PENGERANG)
TARIKH	23.3.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bidang kuasa untuk pembangunan di sekolah- sekolah agama, sama ada terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa pada masa ini ada lima (5) kategori sekolah agama yang beroperasi dalam negara, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA); Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK); Sekolah Agama Negeri (SAN); Sekolah Agama Rakyat (SAR); dan Sekolah Agama Swasta (SAS); Daripada kategori tersebut Kerajaan Pusat melalui KPM mempunyai bidang kuasa pembangunan kepada hanya SMKA dan SABK. Pembangunan SAN adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, pembangunan SAR adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengelola/Pengurusan Sekolah berkenaan. Sementara pembangunan SAS pula adalah di bawah bidang kuasa pihak yang menubuhkannya.

SOALAN NO. W

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO'RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

YB Dato¹ Rashid bin Din (Merbok) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dalam menentukan tahap kemiskinan, apakah prinsip yang digunakan untuk menentukan golongan miskin tegar, miskin dan mudah miskin dari segi pendapatan, dan peratus pendapatan yang dibelanjakan untuk keperluan asas yakni, keperluan hidup (makan minum), kediaman dan pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat selaku peneraju bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah telah menggunakan sistem pangkalan data eKasih dalam agenda pembasmian kemiskinan. Sistem eKasih yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2008 ini berperanan untuk mendaftarkan golongan berpendapatan rendah ke dalam tiga (3) kategori iaitu miskin tegar, miskin dan mudah

JAWAPAN

miskin di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada sumber maklumat oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, sistem eKasih menggunakan prinsip pendapatan per kapita untuk setiap ahli isi rumah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) adalah pendapatan minima yang diperlukan oleh seisi rumah untuk menampung perbelanjaan keperluan asas iaitu makanan dan bukan makanan mengikut taraf hidup yang selesa.

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Penyiasatan Pendapatan Isirumah (HIS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2007 menyatakan bagi golongan miskin tegar adalah mereka yang mempunyai **PGK makanan** kurang daripada RM430.00 bagi Semenanjung Malaysia, RM540.00 bagi negeri Sabah dan RM520.00 bagi negeri Sarawak. Manakala pendapatan perkapita isirumah tersebut adalah RM100.00 bagi Semenanjung, RM110.00 bagi negeri Sabah dan RM115 bagi negeri Sarawak dengan purata bilangan isirumah 4.4 Semenanjung, 5.2 bagi Sabah dan 4.6 bagi Sarawak. Sebagai makluman, pendapatan perkapita ialah jumlah pendapatan kesemua ahli isi rumah sebulan dan dibahagikan dengan bilangan ahli isi rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

PGK bagi golongan miskin pula adalah isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM720.00 bagi Semenanjung, RM960.00 bagi negeri Sabah dan RM830.00 bagi negeri Sarawak. Seterusnya, golongan mudah miskin pula adalah mereka yang mempunyai pendapatan melebihi RM720.00 bagi Semenanjung, RM960.00 bagi negeri Sabah dan RM830.00 bagi negeri Sarawak tetapi tidak melebihi daripada RM1,500.00 bagi seisi rumah di bandar dan RM1,000.00 bagi seisi rumah di luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PGK makanan adalah keperluan asas makanan mengikut kadar kalori yang perlu diambil oleh seorang individu mengikut umur, jantina, berat dan kadar metabolisme. Manakala PGK bukan makanan adalah merangkumi keperluan asas yang lain seperti pakaian, kediaman dan pengangkutan.

SOALAN NO: 35

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

JAWAB LISAN

**DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG) 23
MAC 2011 (RABU)**

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TAN I
menyatakan jumlah pengeluaran beras negara
berbanding beras import ketika ini dan apakah usaha-
usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi
mengurangkan pergantungan import beras.

JAWAPAN OLEH

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI**

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

Jumlah pengeluaran beras Negara pada tahun 2010 adalah sebanyak 1.642 juta tan metrik berbanding jumlah import sebanyak 935,000 tan metrik. Kerajaan tidak bercadang untuk mengimport beras sepenuhnya memandangkan beras tempatan mampu menampung sebahagian besar daripada keperluan beras negara. Pengimportan beras hanya bertujuan menampung bekalan beras dalam negara yang tidak mencukupi di samping menambah bekalan variasi-variasi beras yang boleh dinikmati oleh rakyat.

Tahap Sara Diri (SSL) dalam pengeluaran beras di Malaysia akan dikekalkan pada tahap 70% untuk tempoh 10 tahun akan datang di mana kekurangan akan ditampung melalui import. Sehingga kini Kerajaan telah berjaya mencapai sasaran tersebut.

Penetapan SSL ini adalah bagi membolehkan kerajaan memantapkan rantaian bekalan padi dan beras sekaligus mengurangkan pergantungan import beras di masa akan datang. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti berikut:

- i) meningkatkan pengeluaran atau produktiviti bagi kawasan jelapang;
- ii) menjamin kualiti melalui kaedah pemutuan sebenar;
- iii) mengurangkan kerugian tuaian dan pasca tuaian;
- iv) mengkaji dan menstruktur semula pemberian subsidi dan insentif; dan
- v) mewujudkan pengurusan berpusat di MADA, KADA dan semua IADA.

SOALAN NO. 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]
TARIKH 23 MAC 2011
SOALAN

TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- (a) Mengapa Kementerian melepaskan 6000 ekor nyamuk transgenik tanpa pengetahuan penduduk di sekitar Bentong, Pahang; dan
- (b) berdasarkan fakta atau sebab apa Kementerian boleh memberi

jaminan nyamuk transgenik ini tidak akan mengalami mutasi dan memudaratkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pihak IMR telah memaklumkan mengenai pelepasan nyamuk jantan *Aedes GM (Aedes aegypti OX513A strain)* melalui Hebahan Awam di akhbar-akhbar tempatan (New Straits Times dan Berita Harian) sebanyak 2 kali iaitu pada 4 Ogos 2010 dan 19 Ogos 2010. Seterusnya, pihak IMR juga telah memberi penerangan mengenai kajian ini kepada orang awam di Majlis Perbandaran Bentong dan Dewan Balai Raya. Berlanjutan dari ini juga, notis dalam bentuk poster yang mengandungi maklumat kajian dalam 4 bahasa (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil) telah dipaparkan di tapak kajian selama

3 minggu sebelum kajian dijalankan, walaupun sebenarnya syarat yang ditetapkan hanya 2 minggu. Pihak IMR telah mematuhi terma dan syarat seperti yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Biokeselamatan Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, nyamuk *Aedes GM (Aedes aegypti OX513A strain)* telah dikolonikan di makmal Unit Entomologi Perubatan, IMR selama 4 tahun. Nyamuk *Aedes aegypti OX513A strain* juga telah dikolonikan di makmal-makmal negara lain. Sehingga kini, tiada mutasi dikesan dalam nyamuk-nyamuk yang dikolonikan. Ini menunjukkan bahawa gen dalam nyamuk *Aedes aegypti OX513A strain* adalah sangat stabil. Untuk makluman, hanya satu gen sahaja yang diubahsuai dan bukannya keseluruhan nyamuk yang diubahsuai.

NO. AUM : 1

NO. AUP : ??

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG]
TARIKH	23 MAC 2011
RUJUKAN	3400

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah terdapat satu sistem yang komprehensif diwujudkan oleh Kementerian untuk menangani isu kewarnegaraan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batang Sadong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, isu kewarganegaraan ini adalah ditangani berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara. Bagi menunjukkan Kerajaan adalah telus dalam memproses permohonan tersebut, satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah ditetapkan oleh Kementerian.

Pendekatan KPI ini yang bermula pada tahun 2008 terbukti berkesan melalui kejayaan Kementerian menyelesaikan permohonan tertunggak sebanyak 32,927 yang diterima dari tahun 1997 hingga 2006 (10 tahun) dalam tempoh setahun. Bagi permohonan yang diterima pada tahun 2007 hingga 2009 iaitu sebanyak 29,677 pula telah berjaya diselesaikan pada tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah penambahbaikan KPI, Kementerian mensasarkan proses permohonan warganegara diselesaikan dalam tempoh setahun dari tarikh permohonan lengkap diterima.

NO. AUM : 29

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]
TARIKH 23 MAC 2011
RUJUKAN 3553

SOALAN:

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan penjelasan yang lebih terperinci tentang apa yang beliau maksudkan bila berkata Kerajaan tidak akan benarkan atau akan mengelak dari demonstrasi besar-besaran seperti yang telah terjadi di Mesir dan Tunisia dari berlaku di negara ini.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Nibong Tebal yang mengemukakan pertanyaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, adalah benar Kerajaan melarang semua bentuk demonstrasi bagi menjatuhkan Kerajaan sepertimana yang berlaku di Mesir, Tunisia dan negara-negara lain di Timur Tengah. Sekiranya mana-mana kumpulan atau pertubuhan berhasrat untuk mengadakan perhimpunan secara aman, mereka bolehlah mengemukakan permohonan kepada pihak polis untuk mendapatkan permit.

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia yang sekian lama telah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan di mana rakyat dibenarkan bersuara dan memberi pendapat, maka corak demonstrasi yang ditunjukkan oleh negara-negara berkenaan adalah bertentangan dengan nilai-nilai murni masyarakat dan budaya yang diamalkan di negara kita.

Saya berharap agar perbuatan dan tingkahlaku yang ditunjukkan oleh rakyat negara-negara yang saya nyatakan itu bukanlah menjadi contoh dan teladan yang baik kepada

masyarakat negara kita yang hidup dalam suasana yang aman dan hamoni.

NO. AUM : 38

NO. AUP 111

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR
GAJAH]
TARIKH 23 MAC 2011
RUJUKAN 3402

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan isu-isu berkenaan permohonan kad
pengenalan biru oleh pemegang-pemegang kad pengenalan merah dan
berapa banyak permohonan telah dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan usaha untuk mempopularkan MyKad, saya ingin membetulkan istilah 'Kad Pengenalan Biru' yang digunakan oleh Yang Berhormat. Pada masa ini, Kerajaan tidak lagi menggunakan istilah tersebut sebaliknya telah menggunakan istilah 'MyKad'.

MyKad boleh dipohon oleh pemegang-pemegang MyPR (kad pengenalan merah) setelah mereka dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia oleh Kerajaan Malaysia. Dalam hal ini, salah faham dan kekeliruan timbul di kalangan sejumlah pemegang MyPR (kad pengenalan merah) bahawasanya mereka layak memperolehi MyKad secara automatik setelah memegang MyPR tersebut dan menetap di Malaysia untuk tempoh yang lama.

Kementerian ini ingin memaklumkan bahawa bagi mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia, pemegang-pemegang MyPR (kad pengenalan merah) perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia sama ada di bawah Perkara 15(1), 16 atau Perkara 19, Perlembagaan Persekutuan apabila telah memenuhi syarat kelayakan seperti yang terkandung di dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Syarat utama yang ditetapkan adalah pemegang MyPR (kad pengenalan merah) hendaklah telah bermastautin di negara ini untuk tempoh-tempoh masa seperti berikut:

Perkara	Kategori	Tempoh Masa Bermastautin
15(1)	Isteri kepada Warganegara	Melebihi 2 tahun
16	Orang-orang yang lahir di Persekutuan sebelum hari Merdeka	Kelayakan bermula daripada tarikh kad pengenalan bertaraf pemastautin tetap dikeluarkan.
19	Pemastautin Tetap Malaysia yang berusia 21 tahun atau lebih	Tidak kurang daripada 12 tahun.

Selain itu, antara syarat utama yang melayakkan pemegang MyPR (kad pengenalan merah) untuk dipertimbangkan permohonan taraf kewarganegaraannya adalah seperti berikut:

- i) Berkelakuan baik; dan
- ii) Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu. Dalam hal ini, Ujian Bahasa Melayu akan dilakukan terhadap pemohon-pemohon taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 16 dan 19, Perlembagaan Persekutuan sahaja.

Dari segi statistik, jumlah pemegang MyPR (pemegang Kad Pengenalan Merah) yang telah memohon taraf kewarganegaraan Malaysia bagi mendapatkan MyKad (Kad Pengenalan Biru) dari tahun 1997 sehingga tahun 2010 ialah sebanyak 30,241 permohonan.

NO. AUM : 46

NO. AUP : 0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

DARIPADA : 23 MAC 2011

TARIKH 3403

**RUJUKAN
LISAN**

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap persoalan penderaan dan penyeksaan banduan atau orang disyaki melakukan kesalahan oleh Polis atau SPRM dan apakah tindakan yang telah atau sedang diambil untuk membanterasnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dalam setiap kes tangkapan, orang yang disyaki akan diberitahu mengenai hak-hak mereka sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tatacara Jenayah dan lain-lain undang-undang yang berkaitan. Siasatan akan dibuka terhadap laporan yang dibuat dan sekiranya terdapat keterangan atau bukti- bukti yang kukuh maka cadangan akan dibuat kepada Yang Arif Timbalan Pendakwa Raya untuk mendakwa mereka yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis hanyalah menjalankan siasatan terhadap sesiapa yang ditangkap atau orang yang disyaki berdasarkan peruntukan undang-undang. Bagi proses penyiasatan ke atas tangkapan atau orang yang disyaki, pihak polis tidak dibenarkan menggunakan apa-apa kekerasan ataupun penyeksaan.

Oleh yang demikian, hak-hak orang ditangkap sentiasa dipelihara sepertimana peruntukan hak asasi di bawah Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah. Bagi tujuan

penyiasatan, setiap anggota dan pegawai polis perlu mematuhi peruntukan Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah iaitu tatacara memeriksa secara lisan ke atas seseorang bagi mengetahui fakta- fakta dan keadaan kes berkenaan.

Dalam hal ini, tiada sebarang elemen, ugutan, paksaan ataupun janji dibuat terhadap tangkapan atau orang yang disyaki. Justeru sebarang pelanggaran undang-undang bagi mendapatkan maklumat atau keterangan samada menyebabkan cedera atau cedera parah adalah merupakan satu kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 330 atau 331 Kanun Keseksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi salah laku pegawai polis tindakan tegas akan diambil oleh Urusetia Tatatertib yang berada di bawah kawalan langsung Ketua Polis Negara. Selain daripada itu, Parlimen telah meluluskan Suruhanjaya Integriti Penguatkuasa (SIAP/EIAC) bagi menangani salah laku agensi penguatkuasa.

Kerajaan juga telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) supaya setiap tangkapan mendapat khidmat guaman. Oleh yang demikian, mereka yang ditangkap akan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

NO. AUM : 56

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]
TARIKH 23 MAC 2011
RUJUKAN 3407

SOALAN:

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) syarat-syarat kelulusan anggota rela memiliki senjata api dan peluru; dan

(b) status penaiktarafan Urusetia Rela kepada Jabatan Rela dan jumlah anggota rela mengikut negeri dan jantina serta kaum.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sarikei yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini bahawa senjataapi dan peluru yang digunakan oleh Pegawai - pegawai dan anggota RELA adalah menggunakan Lesen Membawa dan Mengguna Senjataapi (C & U) yang dikeluarkan oleh pihak PDRM apabila mendapat kelulusan Ketua Pengarah RELA terlebih dahulu. Syarat - syarat anggota Rela untuk memiliki senjataapi dan peluru adalah seperti berikut

- (i) Berumur di antara 30 tahun ke 54 tahun
- (ii) Mempunyai tubuh badan yang sihat dan tidak cacat anggota panca indera
- (iii) Telah menjadi anggota Rela sekurang-kurangnya 5 tahun (orang awam) dan 3 tahun bagi bekas tentera/polis
- (iv) Tidak mempunyai rekod jenayah
- (v) Telah menghadiri Kursus Asas Rela
- (vi) Aktif dalam aktiviti Rela Daerah/Negeri
- (vii) Disokong oleh Pegawai Rela Daerah
- (viii) Disokong oleh Pengarah Rela Negeri

Bagi makluman Ahli- Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini juga, mengenai status penaiktarafan RELA kepada sebuah Jabatan, dukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada Disember 2010 telah menolak cadangan RELA dijadikan sebuah Jabatan. Walaubagaimanapun pihak Rela sedang membuat rayuan semula untuk menjadikan Rela sebuah Jabatan dengan sokongan dari Kementerian

Dalam Negeri.

Berhubung dengan jumlah keanggotaan RELA mengikut negeri serta kaum adalah seperti berikut: -

		MELAYU	INDIA	CINA	LAIN-LAIN	JUMLAH
(i)	PERLIS	26,858	414	1,374	447	29,093
(ii)	KEDAH	86,383	3,173	7,711	2,401	99,668
(iii)	PULAU PINANG	89,666	17,858	46,939	502	154,965
(iv)	PERAK	190,037	27,858	34,671	9,277	261,843
(v)	SELANGOR	435,180	18,195	24,318	3,028	480,721
(Vi)	WPKL	98,842	14,747	38,922	2,457	154,968
(vii)	NEGERI SEMBILAN	64,084	13,962	14,167	2,581	94,794
(viii)	MELAKA	66,011	8,001	14,904	618	89,534
(ix)	JOHOR	119,836	7,701	24,843	1,392	153,772
(x)	PAHANG	135,234	8,081	19,501	7,818	170,634
(xi)	TERENGGANU	197,869	174	2,447	246	200,736
(xii)	KELANTAN	240,902	1,304	6,485	2,217	250,908
(xiii)	SABAH	73,185	443	11,023	183,379	268,030
(xiv)	SARAWAK	57,609	247	21,204	104,537	183,597
	JUMLAH DARIPADA	1,881,696	122,158	268,509	320,900	2,593,263
	:	Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF				

Soalan No : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN (BALIK PULAU)

TARIKH : 23.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai perubahan atau pindaan yang ingin dilakukan terhadap subjek Sejarah di peringkat sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejarah adalah mata pelajaran teras dalam (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan selama lima tahun. Dasar wajib lulus mata pelajaran Sejarah pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia mulai 2013 dibuat sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan sejarah tanah air di samping memahami keadaan masyarakat serta hubungannya dengan sejarah dunia. Ini dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa. Mata, pelajaran Sejarah penting dipelajari dari usia awal kanak-kanak dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Melalui mata pelajaran ini, diharap mampu melahirkan insan yang sangat memahami sejarah tanah air, bangsa dan pengorbanan pemimpin selaras dengan hasrat negara untuk melahirkan warganegara yang bersemangat patriotik dan rakyat berbilang kaum yang bersatu padu.

NO. AUM : 43

NO. AUP : *ft*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]
TARIKH 23 MAC 2011
RUJUKAN : 3537

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah Kerajaan mengiktiraf usaha-usaha yang dilakukan oleh Persatuan Pengasih Malaysia dalam membantu Kerajaan memulihkan penagih-penagih dadah. Berikan peratus kejayaan Persatuan Pengasih Malaysia sepanjang tempoh 2000 hingga 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibuti yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian

JAWAPAN

Dalam Negeri sentiasa mengiktiraf usaha murni Badan- Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu merawat pulih penagih dadah. Kementerian Dalam Negeri telah menyediakan peruntukan dalam bentuk geran kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk disalurkan kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPP) seluruh negara pada setiap tahun. Bagi tiga NGO utama iaitu Persatuan Pengasih Malaysia (*Pengasih*), PEMADAM Malaysia dan PENDAMAI Malaysia, peruntukan sebanyak RM200 ribu bagi setiap satu NGO disalurkan setiap tahun. Geran ini diberikan khusus bagi membantu mereka melaksanakan program rawatan dan pemulihan kepada penagih dan bekas penagih dadah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persatuan Pengasih Malaysia telah ditubuhkan sejak lebih dari 20 tahun dan diterajui oleh bekas- bekas penagih. *Pengasih* telah diwartakan di bawah Akta Pemulihan Dadah oleh AADK untuk menjalankan aktiviti rawatan dan pemulihan. Sejak tahun 2000 hingga 2010, seramai 1,287 orang klien telah menerima Rawatan dan Pemulihan di Rumah Pengasih. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 75% telah berjaya menamatkan program pemulihan.

Tuan Yang Dipertua,

Persatuan *Pengasih* juga turut menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan atas pekhidmatan-perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Antaranya 'Dr Siti Hasmah Award' pada tahun 2000 kerana khidmat cemerlang dalam kerja-kerja membantu pesakit- pesakit HIV/AIDS dan 'Anugerah Khas' Kementerian Dalam Negeri dalam kategori Pusat

Pemulihan Dadah Persendirian pada tahun 2001.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: JAWAB LISAN

DARIPADA

: DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR

TARIKH

[TUMPAT]

: 23 MAC 2011 (RABU)

Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat] minta PERDANA MENTERI

menyatakan matlamat ECER apakah yang telah dicapai dan yang belum dicapai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, objektif penubuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) adalah untuk merangsang, menggalakkan dan mempercepatkan pertumbuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dengan cara yang saksama dan mapan. Sejalan dengan Pelan Induk ECER, wilayah ini dirancang untuk menjadi satu wilayah ekonomi yang bertaraf antarabangsa dan menjadi destinasi pilihan untuk melabur, bekerja dan tempat tinggal. Keutamaan akan diberikan kepada pembangunan sosial dan pembangunan mapan untuk menggerakkan dan mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di dalam wilayah ini.

ECERDC buat masa sekarang sedang giat melaksanakan projek-projek pembangunan untuk merangsang pertumbuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Bagi projek-projek yang dirancang di bawah RMKe9, sejumlah 67 projek/program sedang giat dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah pelaburan yang disasarkan bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sehingga tahun 2020 adalah sebanyak RM112 bilion. Pencapaian jumlah keseluruhan pelaburan yang diterima di ECER dari tahun 2007 sehingga Februari 2011, adalah sebanyak RM20 bilion. Pelaburan yang diterima adalah dalam sektor pembuatan, pelancongan, minyak, gas & petrokimia dan pertanian. Setakat ini, sebanyak 8,628 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 45

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI
GADING]

TARIKH : 23 MAC 2011

SOALAN

DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status siasatan SPRM ke atas kertas siasatan penyelewengan peruntukan ADUN negeri Selangor memandangkan isu utama ini seakan tenggelam disebabkan kematian saksi utama.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Y.B. Sri Gading diharap dapat bersabar memandangkan isu ini masih dalam tindakan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sekiranya dalam siasatan wujud beban pembuktian yang cukup kukuh sehingga mencapai tahap *beyond reasonable doubt* (dengan izin), seseorang itu tanpa mengira kedudukan dan status mereka, tetap akan didakwa di mahkamah. Manakala bagi kes yang tidak didakwa, ia akan dirujuk kepada Panel Penilaian Operasi yang mana ahli-ahlinya mewakili pelbagai lapisan masyarakat ataupun 'suara rakyat' untuk semakan bagi memastikan ketelusan dan keadilan dalam siasatan SPRM.

Sekian, terima kasih

NO. SOALAN: 46

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

NURUL 1ZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

TARIKH

23 MAC 2011 (RABU)

SOALAN:

Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] meminta PERDANA MENTERI menyatakan adakah statistik rasmi Kerajaan seperti kadar inflasi, Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI) dan lain-lain lagi diaudit oleh pihak ketiga untuk menentukan ianya selaras dengan piawaian antarabangsa dan memastikan kesahihannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, statistik rasmi yang digunakan oleh Kerajaan merangkumi bidang ekonomi dan sosial. Antara statistik bidang ekonomi adalah Kadar Inflasi, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Imbangan Pembayaran, Perdagangan Luar Negeri, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala statistik dalam bidang sosial pula adalah Kependudukan, Tenaga Buruh, Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, Harga, Kesihatan, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan Pendidikan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (JP) bertanggungjawab sebagai penjana statistik rasmi negara melalui band & penyiasatan serta penyusunan data sekunder. Sememangnya JP sentiasa memastikan statistik yang dikeluarkan adalah relevan, sahih dan menepati piawaian antarabangsa. Penyusunan statistik di JP adalah merujuk kepada manual

antarabangsa mengenai konsep dan definisi, kaedah pungutan data, prosesan, kaedah pengiraan dan sebagainya yang dikeluarkan oleh *International Labour Organization* (ILO), *Organisation For Economic Co-Operation and Development* (OECD) dan lain- lain.

Malaysia telah memperoleh pengiktirafan di peringkat antarabangsa melalui langganan kepada *Special Data Dissemination Standard* (SDDS), *International Monetary Fund* (IMF) sejak tahun 1996. Malaysia telah dapat memenuhi semua elemen pemantauan yang ditetapkan oleh SDDS yang meliputi empat dimensi iaitu liputan, tempoh dan ketepatan masa data, boleh diakses oleh pengguna, Integriti dan kualiti. Pematuhan ini termasuklah penyusunan Indeks Harga Pengguna yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi.

Manakala bagi penetapan PGK pula, Kerajaan sememangnya mengkaji semula model Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dari semasa ke semasa supaya mencerminkan situasi dan kos kehidupan semasa. Sebagai makluman, model PGK yang digunapakai pada masa kini adalah berasaskan kepada Metodologi 2005 yang telah dikaji semula secara komprehensif dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) berlandaskan tafsiran dan pengukuran yang selaras dengan amalan antarabangsa serta Bank Dunia. PGK baru ini disesuaikan dengan keperluan dan keadaan di negara kita.

Selain daripada itu, JP juga telah mendapat pengiktirafan daripada SIRIM QAS International dan IQNet melalui Pensijilan MS ISO 9001:2008 yang diperolehi pada 6 November 2008.

SULIT

No: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB

[MARAN]

TARIKH **23 MAC 2011 (RABU)**

SOALAN NO. 47

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan melihat situasi terakhir kegiatan dan aktiviti belia berpersatuan begitu menurun semenjak Kementerian Belia dan Sukan menggunakan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 yang didaftarkan di bawah ROY berbanding menggunakan pendaftaran pertubuhan ROC yang didapati amat aktif, apakah punca sebenar keadaan ini berlaku dan bagaimana Kementerian berperanan membawa pertubuhan ini untuk menyediakan kepimpinan pelapis kepada negara.

JAWAPAN

1. Pewujudan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 bermatlamat untuk memperkasa pembangunan pertubuhan belia merangkumi aspek pemantapan pengurusan pertubuhan, pembangunan aktiviti dan kawal selia secara langsung di bawah KBS. Sejak penguatkuasaan Akta ini, bilangan pertubuhan belia berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) terus meningkat. Sehingga 21 Februari 2011, sebanyak 7,057 pertubuhan belia telah didaftarkan. Daripada jumlah tersebut, 3,189 pertubuhan belia telah didaftarkan semula oleh ROY daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dengan peningkatan aktif sebanyak 3,869 pendaftaran pertubuhan belia baru. Pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar dengan ROY dianggap sebagai pertubuhan belia yang aktif dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk manfaat golongan belia.
2. Bagi menyediakan kepimpinan pelapis negara, Kementerian telah merancang Program Pembangunan Kompetensi Kepimpinan Tahap Pertengahan dan Tahap Tinggi. Program

SULIT

ini akan dilaksanakan bersama rakan kongsi utama iaitu Majlis Belia Malaysia dan Majlis Belia Negeri. Sementara di bawah RMKe-10, Program 3K Belia Bestari bagi elemen kepimpinan juga telah dirangka dan dirancang pelaksanaannya pada tahun 2011. Pelaksanaan program kepimpinan tersebut menggunakan konsep *mentorship* dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan tempatan dan negeri serta badan bukan kerajaan (NGO).

U0i

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman

TARIKH

[Pengkalan Chepa]

23 Mac 2011 (Rabu)

SOALAN

48

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan kemajuan projek penanaman kenaf untuk menggantikan penanaman tembakau. Adakah projek tersebut telah gagal, jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah berusaha membangunkan tanaman kenaf sejak tahun 2005. Di peringkat permulaan, kenaf dikenalpasti sebagai tanaman alternatif kepada tembakau yang mana pengeluarannya perlu dikurangkan kesan liberalisasi pasaran akibat pelaksanaan sepenuhnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) mulai 2010.

Pada masa ini, LKTN tidak hanya membangunkan tanaman kenaf di kawasan tanah *beach ridges interspersed with swales* (BRIS) terutamanya di Kelantan dan Terengganu bagi menggantikan tembakau sebaliknya turut melaksanakan penanaman kenaf di negeri-negeri lain, termasuk Perak, Pahang dan Johor.

Pada 2010, LKTN berjaya membangunkan tanaman kenaf seluas 1,697 hektar melibatkan 409 penanam. Daripada jumlah tersebut, seramai 169 penanam atau hampir 40% adalah terdiri daripada penanam atau bekas penanam tembakau. Jumlah batang kenaf yang dikeluarkan pada tahun berkenaan ialah 2,463 tan dengan nilai RM1.23 juta.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) (2005-2010), peruntukan berjumlah RM56.6 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan penanaman kenaf sebagai tanaman alternatif kepada tembakau. Peruntukan tersebut telah diagihkan untuk tujuan Penyelidikan dan Pembangunan, Penyediaan Kemudahan Jentera Mesin, Bantuan Penanaman dan Pembangunan Infrastruktur.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula, sejumlah RM15.1 juta diperuntukkan bagi pembangunan kenaf, termasuk:

- i. bantuan input dan kemudahan asas pertanian bagi ladang kenaf dan integrasi;
- ii. pembinaan kemudahan pengeluaran benih kenaf;
- iii. penyelidikan dan pembangunan industri kenaf; dan
- iv. kajian pembangunan industri kenaf di Malaysia.

Bagi tahun 2011, LKTN meningkatkan sasaran kawasan tanaman kenaf kepada 3,000 hektar. Ini adalah bagi memenuhi permintaan dari beberapa syarikat di dalam negara yang mengeluarkan produk-produk berasaskan kenaf seperti biokomposit, komponen automotif, *kenaf*

fibreboard bagi sektor pembinaan, *insulator* dan baju kalis peluru.

Bagi membantu LKTN melaksanakan pembangunan kenaf, satu kajian pembangunan kenaf bagi Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER) telah dijalankan dan di dalam RMKe-10 pula, kajian menyeluruh bagi seluruh negara pula akan dilakukan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada dasarnya, pembangunan tanaman kenaf di negara adalah masih di peringkat awal. Sehubungan ini, perbelanjaan yang besar diperuntukkan untuk menampung aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), penyediaan kemudahan mesin dan jentera serta penyediaan infrastruktur yang boleh digunakan dalam jangkamasa panjang. Kementerian yakin bahawa tanaman ini berpotensi sebagai sumber pendapatan baru dan mampu meningkatkan taraf hidup petani luar bandar pada masa akan datang.

SOALAN (49)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]

SOALAN

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU]
minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
menyatakan sejauh manakah Dasar Perumahan Negara telah berjaya mengatasi masalah perumahan rakyat melalui skim Perumahan Rakyat Mampu Milik (PRMM).
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan Negara (DRN) baru sahaja dilancarkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 10 Februari 2011 yang lepas. Salah satu daripada objektif DRN adalah untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kemapanan hidup rakyat. Selaras dengan Teras 1 DRN, "Penyediaan Perumahan Yang Mencukupi Mengikut Keperluan Khusus Golongan Yang Memerlukannya".

Memandangkan dasar ini baru sahaja dilancarkan dan pelbagai inisiatif masih dalam peringkat awal pelaksanaan, maka adalah terlalu awal

JAWAPAN

untuk menilai keberkesanan pelaksanaan dasar ini. Namun demikian, beberapa program perumahan di pelbagai agensi Kerajaan (Persekutuan dan Negeri) yang telah terbukti berupaya mengatasi masalah perumahan rakyat seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Mampu Milik di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) serta Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan diteruskan pelaksanaannya.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan Mac 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN

[BUKIT GANTANG]

TARIKH : 23 MAC 2011 (RABU)

SOALAN :

Dato' Seri Mohamad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua projek di bawah PERMATA (oleh Isteri Y.A.B. PM) berserta kos sekali bagi perbelanjaan RM 100 juta pada tahun 2010 dan peruntukan RM 111 juta bagi tahun 2011.

NO SOALAN : SO

JAWAPAN : YB. PATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 100 juta bagi tahun 2010 kepada Program PERMATA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pengagihan peruntukan tersebut dibahagikan kepada 2 iaitu peruntukan pembangunan dan peruntukan pengurusan.

Bagi peruntukan pembangunan sebanyak RM48.5 juta mengikut pecahan RM21 juta bagi membina 30 buah Pusat Anak PERMATA Negara baru di seluruh negara, RM15.3 juta bagi menaiktaraf 88 buah TASKA PERMATA KEMAS di kawasan luar bandar dan RM11.8 juta bagi membina dan

NO SOALAN : 50

menaiktaraf 18 buah TASKA PERMATA Perpaduan di kawasan pinggir bandar. Manakala RM51.5 juta pula diperuntukan sebagai belanja mengurus bagi tujtitan pengoperasian sebanyak 52 buah Pusat Anak PERMATA Negara sedia ada, membekalkan peralatan pembelajaran untuk Kompleks PERMATA Pintar yang beroperasi pada 17 Januari 2011 dan juga untuk melaksanakan program-program PERMATA lain sepanjang tahun 2010.

NO SOALAN : 50

Perbelanjaan bagi peruntukan sebanyak RM100 juta untuk tahun 2010 adalah seperti pecahan berikut:

NO SOALAN : 50

BIL	OGRAM	PERBELANJAAN (RM)	JUMLAH (RM)
.1.	<p>RMATA Negara</p> <p>Pembangunan:</p> <p>21,016,418.00</p> <p>Pembinaan sebanyak 27 buah Pusat Anak PERMATA Negara di 27 buah lokasi seluruh negara.</p> <p>Penaiktarafan TASKA PERMATA KEMAS 15,332,420.42</p> <p>Penubuhan TASKA PERMATA Perpaduan. 11,874,713.98</p> <p>Pengurusan:</p> <p>Operasi bagi 27 buah Pusat Anak PERMATA sediaada. 39,100,425.60</p>	<p>48,223,552.40</p>	<p>87,323,978.00</p>

NO SOALAN : 50

	Penyediaan keperluan latihan PERMATA Pemantauan dan Penyelidikan Program Pengambilalihan Kementerian Pelajaran		
2.	RMATA Pintar Penyediaan peralatan (Kompleks Sekolah Pintar) Pengurusan dan pencarian bakat dan Perkhemahan Cuti Sekolah	5,826,640.00 1,500,000.00	7,326,640.00
3.	RMATA Seni PERMATA Seni Muzik PERMATA Seni Koir PERMATA Seni Tari	870.0. 00 870.0. 00 870.0. 00	2,610,000.00

NO SOALAN : 50

4.	PERMATA Insan - Pengurusan Perkemahan Cuti Sekolah	1,558,682.00	1,558,682.00
5.	PERKASA Remaja (i) Komuniti PERKASA (ii) Kem PERKASA	682,000.00 498,700.00	1,180,700.00
	JUMLAH BESAR		100,000,000.00

Pengagihan peruntukan sebanyak RM111,000,000.00 bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 50

2.	RMATA Pintar Pembangunan Fasa II Kompleks Sekolah Pintar Pengurusan dan pencarian bakat dan Perkhemahan Cuti Sekolah)	54.0. 000.00 1.500.0. 00	55,500,000.00
3.	RMATA Seni PERMATA Seni Muzik PERMATA Seni Koir PERMATA Seni Tari	870.0. 00 870.0. 00 870.0. 00	2,610,000.00
4.	PERMATA Insan - Pengurusan (Perkhemahan Cuti Sekolah)	1,558,682.00	1,558,682.00

NO SOALAN : 50

5.	PERKASA Remaja		
	(i) Komuniti PERKASA	682,000.00	
	(ii)Kem PERKASA	498,700.00	1,180,700.00
	JUMLAH BESAR		111,000,000.00

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL

GHAPUR BIN HAJI SALLEH

(KALABAKAN)

23 MAC 2010 (RABU)

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan projek- projek kritikal yang tidak tersenarai di dalam program pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-10, khususnya projek-projek yang berimpak besar kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat terutamanya di negeri Sabah yang kini masih ketinggalan jauh di belakang negeri-negeri lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), pelaksanaan projek dibuat secara *rolling*, iaitu pemilihan projek dan penetapan siling peruntukan dibuat untuk dua tahun dan dikaji semula setiap tahun. Ini bermakna mana-mana projek kritikal yang belum disenaraikan dalam tempoh dua tahun pertama (2011-2012) boleh dimohon untuk dilaksana dalam tempoh dua tahun kedua (2012-2013). Dalam menilai dan mempertimbangkan projek baru, antara kriteria yang diutamakan adalah projek yang berbentuk *soft infrastructure* serta projek yang memberi kesan yang ketara kepada pembangunan ekonomi negara. Langkah ini selaras dengan matlamat Kerajaan yang mensasarkan 40% daripada siling peruntukan RMKe-10 disalurkan kepada pembangunan bukan fizikal seperti latihan dan pendidikan.

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 23 MAC 2011

SOALAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] minta PERDANA MENTERI

menyatakan apakah hasil siasatan terhadap dakwaan bahawa Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan menghantar dana RM 10 juta melalui perkhidmatan pengurup wang atau "*money changer*."

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Y.B. Rasah di harap dapat bersabar memandangkan isu ini masih dalam tindakan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

SOALAN NO: 52

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN: LISAN

(SPRM). Sekiranya dalam siasatan wujud beban pembuktian yang cukup kukuh sehingga mencapai tahap *beyond reasonable doubt* (dengan izin), seseorang itu tanpa mengira kedudukan dan status mereka, tetap akan didakwa di mahkamah. Manakala bagi kes yang tidak didakwa, ia akan dirujuk kepada Panel Penilaian Operasi yang mana ahli-ahlinya mewakili pelbagai lapisan masyarakat ataupun 'suara rakyat' untuk semakan bagi memastikan ketelusan dan keadilan dalam siasatan SPRM.

Sekian, terima kasih.

Ult- **£3**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN LISAN RAKYAT.
MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA YB. Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa]

TARIKH 23.03.2011 (Rabu)

NO. SOALAN 53

YB. Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pengeluaran produk makanan halal (Halal Hub) yang terkenal di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Penekanan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Hab Halal memberikan tumpuan bukan hanya terhadap pengeluaran produk makanan halal, malahan tumpuan juga diberikan untuk menyediakan perkhidmatan

berkaitan halal seperti perbankan dan kewangan Islam, perhotelan, pelancongan, logistik dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara kejayaan yang telah dicapai termasuklah:-

- (i) Pembangunan Taman-Taman Halal di seluruh negara bagi menyediakan kemudahan infrastruktur kepada pelabur-pelabur. Sejumlah 20 Taman Halal telah diwujudkan di mana setakat ini, terdapat 8 buah taman halal yang sudah beroperasi iaitu Selangor Halal Hub Pulau Indah, Zon Eksklusif Halal PKFZ, Melaka Halal Park, Kelantan Halal Park, Pedas Halal Park, Negeri Sembilan, Tanjung Manis Halal Hub di Sarawak, Techpark@Enstek di Nilai, Negeri Sembilan dan Penang International Halal Hub. Taman-Taman Halal telah berjaya menarik pelaburan dianggarkan berjumlah RM4.67 bilion ;**
- (ii) Penyediaan latihan berkaitan pembangunan industri halal di peringkat dalam negara dan antarabangsa. Sehingga Disember 2010, terdapat sejumlah 25,774 orang peserta telah menjalani latihan halal di mana sejumlah 825 orang peserta telah dilatih daripada luar negara iaitu negara Turki, Kuwait, China &**

Taiwan;

- (iii) Kajian semula standard makanan halal MS 1500 : 2009, *Halal Food-Production, Preparation, Handling and Storage - General Guidelines (Second Revision)*;
- (iv) Pembangunan standard halal yang baru bagi kosmetik, farmaseutikal dan logistik ;
- (v) Penganjuran (*dengan izin*) “Halal Roadshow” kesemua negeri-negeri di Malaysia untuk memberi pendedahan yang menyeluruh mengenai pembangunan industri halal di Malaysia termasuk peluang-peluang perniagaan dan proses Pensijilan Halal ; dan
- (vi) Pewujudan Pusat Rujukan Halal Global secara *online* melalui portal, penyediaan perpustakaan, pusat rujukan, penerbitan buku-buku dan majalah-majalah bagi menyediakan segala maklumat berkaitan halal kepada pengguna-pengguna.

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

NO. AUM : 50

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]
TARIKH 23 MAC 2011
RUJUKAN 3405

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke luar negara dalam tahun 2000 dan 2010 mengikut butiran kaum.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai rekod jumlah warganegara Malaysia berhijrah ke luar negara. Ini kerana bidang tugas Jabatan Imigresen Malaysia secara amnya merangkumi aspek kemasukan, keberadaan dan keluar dari negara ini dan tidak meliputi hal ehwal di luar negara. Dengan demikian Jabatan tidak mempunyai rekod warganegara Malaysia keluar negara samada untuk tujuan melancong, bekerja, belajar ataupun berhijrah.

Soalan No : 55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
(KENINGAU)

TARIKH

23.3.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]
minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian masih mempertimbangkan
kelulusan untuk permohonan pembinaan sekolah rendah dan menengah (misalnya,
mission schools) oleh gereja-gereja atau NGO terdaftar di Malaysia untuk kawasan-
kawasan terpencil yang tidak mempunyai kemudahan sekolah Kerajaan di negeri Sabah.
Kalau ya, apakah syarat-syarat atau kriteria utama yang dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada dasarnya, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha
menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut
keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan termasuklah kawasan pendalaman. Pada
masa yang sama, KPM melihat kepada aspek yang menyeluruh sebelum sesuatu
pembangunan dibangunkan. Dasar penubuhan sekolah baru memberi keutamaan
kepada Sekolah Kebangsaan (SK) serta pendidikan yang disediakan adalah untuk
semua kaum dan golongan masyarakat.

Walau bagaimanapun pihak yang berkenaan boleh membuat permohonan melalui JPN sekiranya ada keperluan mendesak untuk menubuhkan sekolah di sesuatu kawasan. Semua permohonan akan diteliti secara terperinci berdasarkan *case by case*.

Rjm 55

NO. AUP : rC

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]
TARIKH 23 MAC 2011
RUJUKAN 3406

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan butiran untuk bilangan kes siasatan tentang kematian individu semasa berada di dalam tahanan dari tahun 1990 hingga kini dan apakah keputusan kes-kes tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian tidak mempunyai rekod sejak tahun 1990 hingga 1999 seperti yang diminta oleh Yang Berhormat. Walaubagaimanapun, sejak tahun 2000 hingga Februari 2011, sebanyak 156 kes kematian dalam tahanan polis telah direkodkan.

Daripada jumlah tersebut, Timbalan Pendakwaraya memutuskan 85 kes tiada tindakan lanjut, 2 kes masih dalam perbicaraan di mahkamah, 4 kes masih di dalam inkues, 4 kes telah selesai inkues, 32 kes masih di dalam pertimbangan pihak majistret dan 29 kes lagi masih di dalam diasatan pihak polis.

Jalan (JPJ) untuk memberikan kelulusan terhadap kenderaan dan memanggil balik (*recall*) kenderaan tersebut sekiranya terdapat masalah kerosakan teknikal. Walaupun peruntukan undang-undang untuk *recall* kenderaan telah sedia ada, namun mekanisme untuk *recall* kenderaan tersebut masih belum dibentuk.

Sehubungan itu, Kerajaan melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) dan JPJ sedang dalam proses kajian untuk menyediakan mekanisma memanggil balik kenderaan-kenderaan yang menghadapi masalah kerosakan teknikal. Mekanisma tersebut adalah dijangkakan dapat disiapkan pada penghujung tahun 2011.

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan kes yang melibatkan pembuatan atau pengedar kenderaan sama ada tempatan atau asing yang secara sukarela telah menarik-balik (*recall*) kenderaan yang tidak selamat digunakan setakat ini adalah seperti berikut:

Bil.	Buatan	Model	Tahun Pengeluaran	Bilangan kenderaan
1.	Toyota	Prius	2010	92 unit
2.	Honda	City	2009	21,956 unit
		Jazz	2009 & 2010	1,680 unit
3.	Proton	Gen-2	2004 - 2008	4112 unit
		Satria Neo	2006 - 2008	1708 unit

SOALAN NO : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

[SEPANGGAR]

TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan warga asing yang diusir keluar dari negara ini khasnya di Sabah sejak 10 tahun lalu serta kos perbelanjaan bagi maksud ini. Berapakah jumlah peruntukan bagi pembinaan Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membaik pulih bangunan tersebut.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bilangan warga asing yang diusir keluar semenjak 10 tahun yang lalu dari negeri Sabah ialah **211,487 orang** manakala kos keseluruhan penghantaran balik PATI termasuk makanan dan pengangkutan adalah sebanyak **RM18.17 juta**.

Pembinaan semula Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal telah diluluskan dalam RMK10 dengan kos dianggarkan sebanyak **RM 12 Juta**.

Sekian, terima kasih.
Font : Verdana (16)

Soalan No: 59

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
(KAPIT)**

TARIKH 23 MAC 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan perancangan yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian untuk mewujudkan peluang bagi rakyat di kawasan luar

bandar Kapit untuk memperolehi pendapatan yang lebih tinggi. Sejauh manakah RISDA sudah merancang sesuatu pelan tindakan untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini melalui RISDA telah melaksanakan program menanam semula pokok getah tua dan yang tidak ekonomik dengan klon-klon baru berprestasi tinggi yang berpotensi mengeluarkan hasil yang tinggi bagi tujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

Bagi kawasan Kapit, RISDA merancang melaksanakan tanam semula seluas 100 hektar dengan peruntukan sebanyak RM530,000.00 yang melibatkan seramai 70 orang pekebun kecil dalam tahun 2011. RISDA juga telah mengenalpasti tanah Kerajaan Persekutuan di Kapit seluas 8.8 hektar untuk dijadikan tapak semaian getah bagi memastikan pekebun kecil di Bahagian Kapit memperolehi bekalan benih getah dengan kadar segera dan berkualiti. Pengwujudan tapak semaian ini akan memberi peluang pekerjaan kepada 30 orang penduduk tempatan yang akan bekerja sebagai kontraktor atau pekerja tapak semaian.

Melalui program tanam semula pula akan wujud peluang pekerjaan bagi menjalankan aktiviti pembangunan ladang seperti kerja membersihkan kawasan, menebang pokok, mengumpul dan membakar, membuat teres, pembinaan infrastruktur ladang jalan pertanian, parit dan pembetong, melubang, menanam pokok, menyulam, kerja penyenggaraan kawasan termasuk kawalan rumpai, membaja, mengawal penyakit/perosak dan lain-lain.

Berdasarkan rancangan diatas dijangka seramai 100 penduduk tempatan di Kapit akan dapat peluang pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pembinaan IPD Padang Terap termasuk rumah kediaman yang baru telah dirancang untuk dilaksanakan oleh Pembinaan BLT Sdn Bhd. Walaubagaimanapun, ianya telah ditangguhkan disebabkan peruntukan yang terhad.

Sehubungan dengan pertanyaan yang kedua, satu kajian yang menyeluruh akan diadakan bagi mengetahui dengan lebih lanjut tentang permasalahan ini dan Kementerian akan mengambil langkah susulan yang sewajarnya bagi menangani masalah tersebut.

SOALAN NO: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATO¹ SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED

[SEPANG]

TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)

SOALAN:

Dato* Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula dasar dan garis panduan terhadap pembinaan struktur komunikasi seperti stesen dan menara pemancar memandangkan pada waktu ini terdapat pelbagai bentuk pembangunan yang dilaksanakan syarikat-syarikat telekomunikasi dan apakah pembinaan tersebut memenuhi tuntutan piawaian keselamatan antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan merujuk kepada Garis panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002. Garis panduan ini telah diwujudkan secara bersama antara, pada masa itu, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM), Kementerian

SOALAN NO: 61

Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SOALAN NO: 61

(KPKT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (KSTAS), Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (KTPK) dan agensi-agensi seperti Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Garis panduan ini antara lain menggariskan pembinaan sesuatu menara haruslah:

- 1) mendapat perakuan daripada Jabatan Penerbangan Awam (JPA) bahawa segala kehendak JPA telah dipatuhi termasuk kesesuaian cadangan tapak dari sudut bahaya navigasi udara (air navigation hazard), warna yang perlu digunakan serta pencahayaan untuk struktur;
- 2) mendapat perakuan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat bagi kehendak pencegahan kebakaran sekiranya membabitkan pembinaan kabin;
- 3) mendapat perakuan daripada Tenaga Nasional Berhad bagi kehendak pendawaian elektrik;
- 4) mendapat laporan geo teknikal daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG);
dan
- 5) sistem pemancar hendaklah dari jenis radas yang diperakui SIRIM sebagai agensi pemerakuan yang dilantik oleh SKMM.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap pembinaan menara telekomunikasi di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan perumahan. Bagi memastikan pembinaan menara adalah selamat dari segi kesihatan, kerajaan

SOALAN NO: 61

melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menetapkan Standard Mandatori bagi dedahan elektromagnet untuk infrastruktur radiokomunikasi yang wajib dipatuhi oleh syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan.

Standard Mandatori ini adalah mengikut tahap pendedahan yang telah dibangunkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Sinaran Tak Mengion (*International Commission on Non-Ionising Radiation Protection, ICNIRP*) yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Mengikut garis panduan ICNIRP, tahap pendedahan kepada umum adalah pada kadar 41.25V/m pada 900MHz sehingga 61V/m pada 2,100MHz. Frekuensi di antara 900MHz sehingga 2,100MHz ini merupakan frekuensi yang digunakan bagi sistem telefon bimbit bagi generasi ke-2 dan generasi ke-3. Garispanduan ini juga diguna pakai oleh banyak negara termasuklah Australia, New Zealand, United Kingdom dan Singapura.

Standard Mandatori tersebut juga mengehendaki syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan telekomunikasi mengemukakan bacaan emisi radiasi secara simulasi bagi setiap pembinaan menara telekomunikasi. Ini bagi memastikan yang emisi elektromagnet yang dihasilkan mematuhi tahap dedahan yang telah ditetapkan dan memastikan yang menara berfungsi dalam keadaan selamat. Pihak SKMM juga akan menyimpan bacaan-bacaan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan ini dalam satu pangkalan data bagi tujuan pemantauan.

Tahap emisi radiasi yang dihasilkan menara telekomunikasi mahupun struktur sistem pemancar di Malaysia, kebiasaannya adalah jauh lebih rendah dari tahap bagi pendedahan kepada umum yang ditetapkan pihak ICNIRP, iaitu dalam anggaran 200 kali ganda selamat.

No: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA PUAN CHONG ENG
 [BUKIT MERTA JAM]
TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)
SOALAN 62

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan maklumat terperinci tentang status terkini projek Landasan Keretapi Elektrik Berkembar di Bukit Mertajam dan bilakah projek di sebelah Bukit Mertajam akan siap sepenuhnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, status kemajuan projek di kawasan Bukit Mertajam adalah 40.51% sebenar berbanding jadual 55.42%. Status kemajuan projek secara keseluruhan bagi negeri Pulau Pinang adalah 50.83% sebenar berbanding jadual 64.77%.

Secara keseluruhan, sehingga 15 Februari 2011, kemajuan fizikal Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar telah mencapai 65.21% sebenar berbanding jadual 72.03% dan dijangka siap pada 7 November 2014.

Kelewatan ini timbul disebabkan pelbagai faktor antara lain tempoh masa yang panjang untuk pengambilan balik tanah serta pengalihan setinggan di sepanjang jajaran. Proses pengambilan tanah dijangka dapat diselesaikan sepenuhnya dalam bulan April 2011.

NO.

SOALAN:63 **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP
BUMBURING [TUARAN]
TARIKH 23 MAC 2011
SOALAN

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah elaun Perumahan Wilayah yang dibayar kepada kakitangan Kerajaan yang berasal di Semenanjung Malaysia yang dihantar berkhidmat kepada Sabah lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang dibayar kepada mereka yang berasal di Sabah dan dihantar ke Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN: **YB. DATO* SERI MOHAMEDNAZR1 ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

NO. SOALAN : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN

Pegawai yang bertukar wilayah akan menerima 6 elaun dan kemudahan sebagai tambahan kepada gaji pegawai. Elaun dan kemudahan ini diberi kepada pegawai yang berasal dari Semenanjung Malaysia dan berkhidmat di Sabah atau Sarawak atau sebaliknya. Ia diperuntukkan berdasarkan prinsip kesaksamaan iaitu bertukar wilayah.

Pemberian Elaun Perumahan Wilayah (EPW) adalah sebagai bantuan perumahan dan bukannya berdasarkan *rent in lieu*. Penetapan kadar EPW adalah berdasarkan 90% daripada kadar sewa pasaran mengikut lokasi yang diperakukan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan.

Secara amnya, kadar sewa di Sabah dan Sarawak lebih tinggi berbanding kadar sewa di Semenanjung Malaysia. Dengan ini, wujud kadar EPW yang berbeza di antara bandar-bandar di Semenanjung Malaysia dengan bandar-bandar di Sabah dan Sarawak. Pegawai yang berasal dari Semenanjung Malaysia dan berkhidmat di Sabah atau Sarawak akan menerima kadar EPW yang lebih tinggi berbanding pegawai yang berasal dari Sabah atau Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia.

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 23 MAC 2011

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kos untuk membiayai sistem perakam keterangan termasuk komputer dan kamera di dalam mahkamah- mahkamah di seluruh negara dan sama ada kamera ini dipasang ke Istana Kehakiman, Putrajaya dan kenapa.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan kemajuan teknologi, Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat di Mahkamah- Mahkamah di seluruh negara melalui Program Pengkomputeran Mahkamah. Antara komponen penting yang dirancang ialah sistem Merakam Keterangan Kes (dengan izin CRT - *Court Recording and Transcription System*), hanya merupakan sistem *client-server* yang dilengkapi perkakasan dan perisian yang bertujuan memudahkan proses rakaman audio-visual dan transkripsi nota prosiding semasa perbicaraan mahkamah. Sistem ini telah dipasang sebanyak 454 bilik bicara di seluruh Malaysia iaitu 379 bilik bicara di Semenanjung dan 75 di Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan sistem ini melibatkan kos sebanyak RM57,784,032.54.

Selain itu, masih banyak mahkamah yang mempunyai rangkaian berkapasiti tinggi

NO. SOALAN : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

contohnya seperti di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, rakaman CRT berupaya dicapai (*access*) oleh Pengurusan Tertinggi di Istana Kehakiman. Capaian ini dibenarkan bagi tujuan penyeliaan dan ianya lebih bersifat lihat (*view*) sahaja. Rakaman CRT tersebut akan dipindah dan disimpan di dalam cakera padat (CD) di mana ia boleh dilihat oleh sesiapa sahaja yang dibenarkan termasuk peguam.

PERTANYAAN LISAN NO. AUP : &S
DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA
TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
RUJUKAN NERUS]
23 MAC 2011
3404

SOALAN:

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pelancong luar yang datang ke Malaysia dalam tempoh tiga tahun lalu dan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan mereka ini tidak menjadi pendatang haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemasukan pelawat asing ke Malaysia dalam tempoh tiga tahun bermula pada tahun 2008 adalah 22,895,301 orang, diikuti dengan 25,343,310 orang bagi tahun 2009 dan 24,577,196 orang pada tahun 2010. Dari aspek pemantauan kemasukan dan keberadaan warga asing di dalam negara, Jabatan Imigresen Malaysia hanya boleh memantau status pergerakan warga asing semasa kemasukan dan semasa pemergian mereka di pintu-pintu masuk yang diwartakan sahaja. Sewaktu kemasukan ke Malaysia, Jabatan merekod maklumat seperti tujuan kemasukan dan alamat perhubungan melalui penggunaan kad ketibaan/pelepasan (*arrival/ departure card*).

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tetap mempunyai beberapa mekanisme pemantauan yang lain menerusi aktiviti penguatkuasaan berterusan oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia serta kawalan di sempadan oleh Pasukan Gerakan Am, Angkatan Tentera Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.. Selain itu, Kementerian juga turut menerima maklumat dan informasi daripada orang awam berhubung kehadiran warga asing

yang berisiko dan mencurigakan. Berdasarkan aduan dan maklumat yang diterima, lazimnya Kementerian akan membuat risikan dan siasatan sebelum melakukan operasi yang sebenar.

Di samping itu, Kementerian turut memperoleh maklumat intelijen domestik dan juga antarabangsa bagi menyaring kemasukan pelawat asing yang berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara. Penyaringan ini penting bagi memastikan pelawat asing yang masuk ke Malaysia ini adalah tulen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mulai 1 Jun 2011, Kerajaan akan melaksanakan pengambilan biometrik kepada semua pelawat asing di semua pintu masuk negara. Langkah ini bertujuan untuk merekod, mengesah dan memantau keberadaan dan ketulenan identiti warga asing dari mula kemasukan sehingga pelepasan dari Malaysia. Justeru itu, bagi pelawat asing yang tidak keluar daripada Malaysia mengikut tempoh sah laku pas maka, biodata mereka akan dikenal pasti bagi tujuan penguatkuasaan. Menerusi pelaksanaan ini Kerajaan mempunyai matlamat jangka panjang untuk mengumpul maklumat dan jumlah pendatang tanpa izin yang berada secara haram di negara ini.

Kerajaan juga berpandangan bahawa penglibatan secara langsung oleh rakyat dalam memberikan informasi yang tulen adalah penting bagi membantu agensi penguat kuasa memantau keberadaan warga asing di dalam negara.

NO. AUM : 69

PERTANYAAN

NO. AUP : &&

DARIPADA

JAWAB LISAN

TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

RUJUKAN TUAN ABDULLAH SAN I BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]

23 MAC 2011

3409

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah syarikat yang mengendalikan pengambilan pekerja asing dari tahun 2008 hingga tahun 2010 dan berapakah jumlah caj yang dikenakan ke atas pekerja asing dan majikan, adakah Kerajaan mendapat sebarang pendapatan dalam proses pengimportan pekerja asing, dan adakah pendapatan tersebut digunakan dalam bidang spesifik.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak melantik mana- mana syarikat untuk mengendalikan urusan pengambilan pekerja asing daripada tahun 1995 sehingga tahun 2009. Ini kerana majikan- majikan yang memerlukan pekerja asing perlu memohon sendiri untuk mendapatkan pekerja asing tanpa melalui mana-mana ejen.

Walau bagaimanapun, kemungkinan Yang Berhormat merujuk kepada syarikat-syarikat membekal dan mengurus pekerja asing (outsourcing). Syarikat-syarikat ini adalah syarikat yang dilesenkan oleh Kerajaan untuk mendapatkan pekerja asing berdasarkan kepada keperluan dan kelayakan majikan sebenar. Sehingga sekarang terdapat 279 buah syarikat outsourcing pekerja asing di Malaysia. Syarikat-syarikat ini dikenakan syarat-syarat yang ketat untuk membekal dan mengurus pekerja asing untuk sektor perkilangan, perladangan dan pertanian sahaja.

Berkenaan caj terhadap pekerja asing, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan tidak mengenakan apa-apa caj khusus kepada mereka kerana keseluruhan caj adalah menjadi tanggungjawab majikan sahaja. Untuk mendapatkan seorang pekerja asing, majikan perlu membayar kos levi, fi proses, visa, pemeriksaan kesihatan melalui FOMEMA, wang cagaran dan kos pengeluaran pas lawatan kerja sementara (PLKS) yang mana secara keseluruhannya berjumlah antara RM880.00 hingga RM 3,646.00 bergantung kepada sektor pekerjaan dan kewarganegaraan pekerja asing tersebut. Kos lain seperti pengangkutan dan penginapan tidak ditetapkan oleh Kerajaan.

Kerajaan mendapat hasil daripada kemasukan pekerja asing dalam bentuk kutipan levi serta bayaran-bayaran seperti fi proses dan pengeluaran PLKS. Keseluruhan hasil ini adalah dimasukkan ke dalam kumpulan wang disatukan sebagai hasil kerajaan dan digunakan untuk tujuan-tujuan pembangunan negara. Pada masa ini, Kerajaan tidak menetapkan penggunaan khusus hasil kutipan berkaitan pekerja asing untuk mana-mana aspek dalam perbelanjaan Kerajaan.

Soalan No: 67

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)**

TARIKH 23 MAC 2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan :

- (a) cadangan pembinaan Dewan Masyarakat yang baru bagi daerah Kinabatangan dan cadangan pembinaan Projek Bantuan Rumah (PBR) untuk masyarakat yang semakin bertambah di daerah Kinabatangan dan Tongod; dan
- (b) peruntukan landskap bagi tujuan kecantikan dan pengindahan bandar di daerah Kinabatangan dan Tongod.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah *Rolling Plan* Pertama RMK-10 (2011-2012), bagi kawasan Parlimen Kinabatangan, Kementerian ini tidak dapat mempertimbangkan cadangan pembinaan dewan masyarakat yang baru bagi daerah Kinabatangan, yang mana sebelum ini

JAWAPAN:

dilaksanakan di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) memandangkan tiada peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek kecil.

Di bawah Program Bantuan Rumah (PBR), sejumlah RM3.52 juta dicadang diagihkan kepada kawasan Kinabatangan bagi melaksanakan sebanyak 60 unit rumah bina baru pada tahun 2011 dan 28 unit rumah bina baru pada tahun 2012. Manakala bagi kawasan Tongod, sejumlah RM8.6 juta dicadang diagihkan bagi membiayai sejumlah 70 projek bina baru pada tahun 2011 dan 145 unit rumah bina baru pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, agihan sebenar projek-projek PBR tahun 2012 di kawasan-kawasan ini adalah tertakluk kepada keperluan sebenar yang diperakui oleh Focus Group Daerah/Negeri.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tiada peruntukan di bawah PBR khas bagi membiayai projek-projek landskap dan ianya berada di luar skop Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

SOALAN NO. 68

JAWAPAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

penyertaan bumiputera Pulau Pinang.



SJ.B/(103)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA YB. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 23.03.2011

YB. Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI KEWANGAN
menyatakan :

- (a) Adakah Kerajaan akan melaksanakan cadangan mengenakan *fuel tax* daripada pemandu, jika ya bila akan dilaksanakan dan sebabnya; dan
- (b) Apakah jenis barangan asas yang dijangka mengurangkan subsidi dalam program rasionalisasi subsidi dan bilakah langkah seterusnya akan dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu pengenaan '*fuel tax*' tidak timbul kerana produk petroleum sememangnya tertakluk kepada cukai jualan iaitu pada kadar 58.62 sen seliter bagi petrol dan 40 sen seliter bagi diesel. Namun, memandangkan pada masa ini, harga pasaran sebenar adalah lebih tinggi daripada harga jualan di pam, Kerajaan telah mengecualikan cukai jualan tersebut. Sebaliknya, bagi mengekalkan harga jualan petrol dan diesel, Kerajaan memberi subsidi ke atas perbezaan harga tersebut.

Di bawah program rasionalisasi subsidi, terdapat 6 jenis barangan asas yang akan dikurangkan subsidi secara berperingkat. Barangan tersebut adalah gula, tepung gandum, minyak masak sawit, petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG). Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira maklum balas rakyat, tidak semua barangan asas ini terlibat dalam pelaksanaan rasionalisasi subsidi. Program rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan sebanyak 2 kali dalam tahun 2010 iaitu pada 16 Julai 2010 dan 4 Disember 2010 di mana barangan yang terlibat adalah petrol, diesel, LPG dan gula. Dasar Kerajaan adalah untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi ini secara teratur dan berperingkat bagi mengurangkan kesannya kepada rakyat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 23.03.2011

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan hanya memulangkan cukai hiburan filem "Puppy Love Ice Kacang" sahaja. Apakah Kerajaan akan memberi peruntukan kepada FINAS demi memberi insentif kepada filem buatan Malaysia demi menggalakkan penerbitan filem tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pemulangan cukai hiburan diberikan kepada semua filem cereka terbitan tempatan termasuk filem tempatan yang bukan berbahasa Malaysia. Pemberian pulangan cukai

hiburan bagi filem "Puppy Love Ice Kacang" dijangka akan dibuat pada akhir Mac 2011.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian galakan Duti Hiburan kepada penerbit filem tempatan telah dilaksanakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri mulai 1 Januari 1987. Bagaimanapun,

mulai tahun 2000 Kerajaan Negeri tidak lagi menyalurkan kutipan Duti Hiburan kepada Kerajaan Persekutuan dan sejak itu pemberian galakan Duti Hiburan kepada penerbit filem dibayar oleh Kerajaan Persekutuan melalui FINAS. Kerajaan telah menyediakan peruntukan kepada FINAS untuk pemberian pulangan Duti Hiburan seperti berikut:

TAHUN

PERUNTUKAN(RM)

2008	10.0 juta
2009	15.0 juta
2010	11.0 juta
2011	13.0 juta

No. SOALAN: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA LISAN
YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]

TARIKH 23 MAC 2011 (RABU)

SOALAN Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta
PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah sistem pesanan ringkas (sms) dan email Perdana Menteri dan keluarga sempena ucapan selamat tahun baru cina dan nyatakan jumlah kos perbelanjaannya.

JAWAPAN:

Inisiatif penyampaian mesej perayaan Tahun Baru Cina YAB Perdana Menteri pada tahun ini kepada rakyat Malaysia yang menyambut perayaan tersebut menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas SMS & e-mel adalah sebahagian dari usaha berterusan pentadbiran ini bagi mengukuhkan perpaduan nasional serta memelihara hubungan rapat rakyat dan kerajaan selaras dengan gagasan pemandu "1 Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Inisiatif ini membolehkan ini telah membolehkan beliau selaku Ketua Kerajaan dapat secara langsung berkongsi kegembiraan dengan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum yang meraikan perayaan masing-masing dengan menggunakan perantaraan media yang bersifat popular dan meluas.

1. Perantara dan Pengkalan Data

(a) SMS

Ucapan ringkas peribadi YAB Perdana Menteri telah dihantar kepada empat juta (4,000,000) rakyat Malaysia dengan kerjasama daripada tiga (3) syarikat telekomunikasi utama seperti yang berikut:

- (i) Digi.Com Berhad
- (ii) Maxis Berhad

(iii) Celcom Berhad

Tiada sebarang kos yang dikenakan oleh ketiga-tiga syarikat yang tersebut diatas. Ucapan YAB Perdana Menteri disebarluaskan dalam rangka memenuhi tanggungjawab sosial syarikat.

Mesej yang telah dirangka telah dihantar terus kepada ketiga-tiga syarikat telekomunikasi untuk sebaran. Pihak Pejabat Perdana Menteri telah memastikan prinsip perlindungan maklumat peribadi dipatuhi tanpa kecuali disamping terma dan syarat syarikat telekomunikasi dihormati sepenuhnya, ingin ditegaskan bahawa pada sebarang masa dan pada setiap tahap proses penghantaran mesej ini Pejabat Perdana Menteri tidak sesekali pernah mempunyai akses kepada sebarang maklumat yang bersifat peribadi kepada penerima.

(b) Email

Ucapan peribadi YAB Perdana telah dihantar kepada sejuta dua ratus lima puluh lima ribu lima ratus dua puluh lapan (1,255,528) penerima rakyat Malaysia. Alamat email ini telah dikumpulkan melalui tiga (3) pengkalan data seperti yang tersebut dibawah :

- (i) Media Prima Berhad
- (ii) Kementerian Pengajian Tinggi
- (iii) Laman web peribadi YAB Perdana Menteri [www. 1Malaysia.com.my](http://www.1Malaysia.com.my)

Kos yang dikenakan adalah berjumlah Ringgit Malaysia Lima Sen (RM0.05) setiap satu email. Dengan kos yang begitu minima menggunakan cara ini YAB Perdana Menteri telah dapat mendekati lebih sejuta rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan agama. Ucapan ini adalah sama seperti ucapan yang dihantar

melalu kad ucapan konvensional.

Bagi menghormati prinsip perlindungan maklumat peribadi dan terma dan syarat ketiga-tiga pengkalan data, YAB Perdana Menteri tidak mempunyai akses kepada data-data peribadi. Kesemua email telah dihantar setelah kesemua syarat dan terma diteliti dengan sepenuhnya dari ketiga-tiga pengkalan data untuk memastikan prinsip perlindungan peribadi tidak dilanggar.

Dibawah adalah syarat "Berkongsi Data Dengan Pihak Ketiga" untuk pengkalan data bagi Media Prima Berhad:

- o Data peribadi tidak boleh dijual, disewa atau dikongsi dengan pihak ketiga selain yang tertera di dalam Polisi Privasi o Media Prima Berhad Berhak , jika perlu, menggunakan data peribadi (termasuk alamat email dan nombor telefon) untuk berkongsi maklumat yang berkenaan dengan produk, servis atau promosi dari pihak Media Prima Berhad dan pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu

Adalah jelas seperti yang tersebut diatas, ucapan Selamat Tahun baru Cina YAB Perdana Menteri tidak melanggar sebarang Polisi Privasi syarikat. Didalam konteks ini, YAB Perdana Menteri telah dikasifikasikan sebagai "pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu".

